

Jilid III
Bil. 31

Hari Khamis
21hb Oktober 1993



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

[Ruangan 6983]

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba
(Pindaan) 1993**

[Ruangan 7020]

**Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan
Langkawi (Pindaan) 1993**

[Ruangan 7058]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
1997

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).
- " Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- " Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).
- " Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- Yang Amat Berbahagia Menteri Hal Ehwal Sabah, TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K., K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang).
- Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- " Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).
- " Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- " Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., D.M.P.N. (Permatang Pauh).
- " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- " Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).
- " Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., B.S.I. (Pulai).
- " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- " Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR. MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- " Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- " Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- " Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- " Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N. (Balik Pulau).
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

- ” Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, DR. FONG CHAN ONN (Selandar).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.P.M.S. (Lipis).
- ” Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO' MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- ” Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- ” TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- ” DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

- ” TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- ” DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- ” TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- ” DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K. (Kuala Nerus).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- ” TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- ” DATO’ DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- ” TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- ” TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- ” TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- ” DATO’ ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- ” DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- ” TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- ” DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- ” DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- ” TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- ” TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- ” TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- ” TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- ” DR. V. DAVID (Puchong).
- ” TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- ” TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- ” TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- ” TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- ” TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- ” TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

- Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- " TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- " CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- " LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- " PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- " TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- " DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- " TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- " TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- " TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- " TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- " DR. KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- " TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan).
- " TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- " TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- " TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- " PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- " DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- " TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- " TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- " DR. T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- " TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- " TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- " DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- " TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- " TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- " DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K.
(Sepang).
- " TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- " DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P.,
P.M.P., A.M.P. (Larut).
- " DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- " TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- " DR. NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- " TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- " TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- " DR. OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- " TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- " DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- " DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K.
(Nibong Tebal).
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M.,
K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- " TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- " PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- " Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- " TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- " PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- " TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- " TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- " DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- " TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- " TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- " PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- " TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- " TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- " DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- " TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

Yang Berhormat DR. TAN SENG GIAW (Kepong).

- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- " TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- " WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- " WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- " TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- " WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasar Puteh).
- " TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- " DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- " TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- " TUAN WONG WING ON (Kampar).
- " TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- " TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- " TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- " TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- " TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat* : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong, Setiausaha* : Haji Taijadin bin Saberan.
- Penolong Setiausaha* : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha* : Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

- Pegawai Penerbitan* : Ramaswamy.
- Penolong Penyunting* : Hajah Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

- Haji Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd.Thani.
Zaharah binti Naim.
Su Soon Chuan.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 21hb Oktober 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANPASARAN PERABOT KAYU
GETAH—PRESTASI

1. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah prestasi di dalam pengeluaran dan pemasaran bahan-bahan gunaan (perabot dan lain-lain) dari kayu getah setakat ini. Apakah sektor kecil perindustrian ini akan dapat menggantikan eksport barangan yang dibuat daripada kayu hutan negara.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kayu getah merupakan sumber bahan mentah yang penting dalam pengeluaran kayu gergaji dan barangan berasaskan kayu. Kayu getah telah digunakan secara meluas dalam pengeluaran perabot dan kayu kumai, dan sejak akhir-akhir ini kayu getah juga telah mula digunakan bagi pengeluaran papan serpai (MDF) dan papan lapis. Malahan 80% dari perabot yang dieksport menggunakan spesis kayu getah. Peningkatan prestasi pengeluaran dan pemasaran barangan

dari kayu getah dapat dilihat melalui peningkatan nilai eksport perabot kayu pada beberapa tahun kebelakangan ini. Misalnya, pada tahun 1991 eksport perabot berjumlah RM478.8 juta dan ianya telah meningkat hampir 40% kepada RM660.6 juta pada tahun 1992.

Tuan Yang di-Pertua, eksport barangan berasaskan kayu getah dijangka tidak dapat mengambilalih sepenuhnya eksport barangan berasaskan hutan asli. Ini adalah kerana kayu getah cuma merupakan salah satu spesis daripada berpuluh-puluh spesis kayu komersil yang dikeluarkan dari sumber hutan di negara ini. Tambahan pula, penggunaan kayu getah setakat ini masih terhad bagi pengeluaran beberapa produk keluaran kayu sahaja berbanding dengan penggunaan kayu spesis hutan asli yang boleh dipelbagaikan kegunaannya.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Speaker, dengan adanya usaha-usaha untuk membuat 'eco labelling' terhadap barangan daripada kayu-kayuan kita, apakah kemungkinan barang-barang ataupun perabot yang dibuat dari kayu getah akan dapat menembus lagi pasaran-pasaran khususnya di Eropah? Adakah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kenaikan kepada RM660 juta di dalam eksport perabot, berapa peratuskah daripada perabot kayu getah?

Soalan yang kedua, Tuan Speaker, saya ingin tahu adakah diwujudkan satu pusat teknologi kayu getah kerana kayu getah mempunyai sifat-sifatnya yang tertentu yang mana proses pengawetan dan proses lain untuk memastikan ketahanannya apabila ianya dijadikan perabot.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, barangan dari kayu getah yang diperbuat perabot ini kira-kira 80% daripadanya terdiri daripada kayu getah.

Memang benar bahawa satu pusat teknologi kayu getah telah pun diwujudkan di FRIM, iaitu yang ditumpukan untuk mewujudkan teknologi, termasuk pemerosesan, treatment dan lain-lain lagi. Jadi, saya yakin dan percaya masa depan kayu getah ini akan dapat ditingkatkan lagi dengan adanya pusat pengwujudan teknologi, sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu di manakah pasaran terbesar untuk pengeksportan perabot-perabot dan barangan-barangan lain yang dibuat daripada kayu di Malaysia ini? Apakah langkah yang akan diambil untuk terus meningkatkan bukan sahaja kayu getah, tetapi untuk kayu asli juga untuk terus menguntungkan daripada 'value addedness' serta untuk mengurangkan tekanan ke atas membalak dan mengeksport kayu dalam bentuk balak.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, apakah dasar Kerajaan sekarang, adakah ia akan terus menumpukan usaha kepada pengeksportan perabot yang dibuat daripada kayu getah sahaja ataupun ia akan menggalakkan pengeksportan perabot yang dibuat

daripada kayu-kayu keras, kayu-kayu tropika seperti yang didapati di Sarawak dan Sabah supaya sumber-sumber hutan di negara ini boleh dapat terus digunakan secara, dengan izin, 'sustainable development', dengan cara bahawa balak kita kurang tetapi untung besar. Itu sahaja.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, pasaran perabot yang ditumpukan ini ialah yang besarnya dihantar ke Amerika Syarikat, Jepun, ke Europe, EEC dan juga ke Singapura. Itu empat buah negara yang besar.

Tentang apakah dasar Kerajaan untuk mengeksport kayu getah sahaja, kita memang berdasarkan kepada permintaan. Pada masa ini permintaan perabot kayu getah terlalu tinggi di pasaran dunia. Jadi, sebagai ahli perniagaan, kita terpaksa mengeluarkan barangan yang diminta, jadi 80% adalah dari kayu getah.

Namun demikian, perabot untuk digunakan di luar daripada rumah termasuk untuk kegunaan di garden seperti kayu tropika diperlukan misalnya kayu Nyatuh dan sebagainya. Tetapi pasaran sekarang baru 20%. Kementerian saya sedang memperhebatkan kegunaan kayu-kayu tropika ini. tetapi apa yang penting ialah pertolongan Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dari DAP tolong menerangkan kepada dunia luar bahawa kayu tropika ini adalah hasil daripada kayu yang dimanage secara berkekalan. Bukan kita tebang mengikut suka hati sahaja, tetapi itu ditanam semula dan ditebang mengikut pilihan-pilihan yang sesuai.

Jadi kalau tekanan-tekanan ini tidak ada di pasaran dunia, saya yakin dan percaya 50% akan dikeluarkan dari kayu tropika dan 50% daripada kayu getah.

**PROGRAM PEMBANGUNAN
RAKYAT TERMISKIN**

2. Tuan Radin Malleh minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:-

- (a) apakah rancangan yang telah diatur di kawasan Padas yang melaksanakan Program Pembangunan Rakyat Termiskin, memandangkan ramai daripada penduduk kampung-kampung yang duduk jauh terpencil daripada arus pembangunan masih di dalam keadaan daif dan miskin;
- (b) setakat ini apakah nama kampung-kampung yang terletak di luar bandar dalam kawasan Pilihanraya P.149 Padas yang mendapat bekalan elektrik luar bandar dan apakah nama kampung-kampung yang akan dibekalkan kuasa elektrik ini dalam tempoh dua tahun akan datang; dan
- (c) apakah jenis projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan di bahagian Pilihan Raya Padas dalam tempoh tiga tahun yang lalu selain daripada pondok bas, balairaya dan tangki air.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Rancangan-rancangan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin yang telah diatur bagi kawasan Padas ialah:
- (i) Program Pemulihan Rumah;
- (ii) Program Peningkatan Ekonomi Kampung;

- (iii) Amalan Makanan dan Pemakanan;
- (iv) Program Kekurangan Zat Makanan;
- (v) Program Pendidikan Kesihatan;
- (vi) Program Pinjaman Skim Amanah Saham Bumiputra;
- (vii) Makanan Tambahan Kanak-Kanak Termiskin.

Program-program tersebut dilaksanakan secara berterusan dan kumpulan sasaran ialah penduduk-penduduk termiskin.

- (b) Setakat ini 13 buah kampung di kawasan Pilihan Raya Padas telah mendapat bekalan elektirk. Nama kampung-kampung itu ialah:
- (i) Kampung Pantongan;
- (ii) Kampung Marintaman, Sipitang;
- (iii) Kampung Kedai Lama, Mesapol;
- (iv) Kampung Ulu Sipitang;
- (v) Kampung Nuluyan, Sipitang;
- (vi) Kampung Luagan, Sipitang;
- (vii) Kampung Bamban Lama, Tenom;
- (viii) Kampung Bamban Ulu, Tenom;
- (ix) Kampung Mandalom Lama, Tenom;
- (x) Kampung Mandalom Baru, Tenom;
- (xi) Kampung Tumantalik, Tenom;

- (xii) Jalan Malalia, Sipitang;
- (xiii) Kampung Sungai Tiga, Sipitang.

Senarai kampung yang akan mendapat bekalan elektrik pada tahun 1994 dan 1995 akan ditentukan pada awal tahun-tahun berkenaan.

- (c) Projek-projek Pembangunan yang telah dilaksanakan di kawasan Pilihan Raya Padas selain daripada pondok bas, balairaya dan tangki air bagi tiga tahun yang lepas ialah:

- (i) Program Pembangunan Rakyat Termiskin;
- (ii) Hospital Nukleas Sipitang;
- (iii) Menaikkan taraf Jalan Mesapol-Sindumin;
- (iv) Jalan Luar Bandar;
- (v) Program Jalan Kampung;
- (vi) Asrama Desa;
- (vii) Bekalan Elektrik Luar Bandar;
- (viii) Jambatan Gantung;
- (ix) Bantuan Generator;
- (x) Bantuan Injin Sangkut;
- (xi) Tukun Tiruan;
- (xii) Gelanggang seperti badminton, sepak takraw dan bola tampar;
- (xiii) Tandas Curah; dan
- (xiv) Projek Kecil Bekalan Air seperti Telaga dan Graviti.

Dr. Osman Minudin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di kawasan saya, saya telah dapat laporan bahawa

yang berhak menerima bantuan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin ini ialah ahli-ahli yang menyokong Barisan Nasional sahaja. (*Ketawa*) Adakah ini benar ataupun tidak? Kalau tidak benar dan didapati ada yang berbuat demikian, apakah tindakan yang perlu diambil oleh Kementerian.

Dato Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat boleh berikan bukti kepada saya, saya akan semak.

BANDARAYA BERKEMBAR— PROGRAM

3. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapakah program bandaraya berkembar telah diadakan oleh Kerajaan Tempatan;
- (b) adakah semua program tersebut berfaedah atau adanya cuma membazir wang rakyat; dan
- (c) apakah garis panduan yang dikeluarkan Kementerianya mengenai program bandaraya berkembar.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr. Ting Chew Peh): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga kini, terdapat tujuh (7) buah Pihakberkuasa Tempatan atau bandar di negara ini yang telah menjalankan hubungan bandar berkembar dengan bandar-bandar di negara lain. Nama bandar-bandar tersebut serta nama bandar yang

berkembar dengannya dan tahun perkembaran dibuat adalah seperti berikut:

<i>Nama Bandar</i>	<i>Nama Bandar Yang Berkembar Dengannya</i>	<i>Tahun Perkembaran Dibuat</i>
1. Seberang Perai	1. Fremantle, Australia	1978
	2. Manila, Filipina	1981
2. Pulau Pinang (Georgetown)	1. Adelaide, Australia	1973
	2. Medan, Indonesia	1983
3. Seremban	1. Bukit Tinggi, Indonesia	1986
4. Johor Bahru	1. Istanbul, Turki	1984
5. Ipoh	1. Fukuoka, Jepun	1989
6. Melaka	1. Lisbon, Portugal	1984
	2. Hoorn, Holland	1989
	3. Valparaiso, Chile	1991
7. Kuala Lumpur	1. Ankara, Turki	1984
	2. Casablanca, Morocco	1991
	3. Isfahan, Iran	1993

(b) Secara umum, faedah-faedah yang dapat diperolehi melalui program ini ialah:

- (i) pengwujudan kerjasama di antara kedua-dua bandar berkenaan dalam bidang-bidang kebudayaan, pendidikan dan kesukanan;
- (ii) peningkatan pelancongan khususnya di antara kedua-dua bandar berkenaan dan di antara kedua-dua negara amnya;
- (iii) menggalakkan perdagangan dan pelaburan di antara negara berkenaan;
- (iv) pertukaran dari segi pengetahuan dan pengalaman terutamanya dalam aspek pengurusan bandar (urban management); dan
- (v) pertukaran pengalaman mengenai aspek-aspek perlindungan alam sekitar dan mutu kehidupan.

(c) Mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, sebelum sesebuah Pihakberkuasa Tempatan itu mengadakan hubungan perkembaran, beberapa perkara asas perlulah diteliti dan dipertimbangkan secara terperinci dan serius agar program perkembaran tersebut dapat berjalan dengan lancar dan tidak mendatangkan apa-apa kesan negatif. Perkara-perkara asas tersebut melibatkan aspek-aspek seperti berikut:

- (i) tahap kewangan dan kemampuannya masing-masing untuk membiayai program ini sebelum melibatkan diri di dalam program perkembaran itu;
- (ii) pandangan daripada Kementerian Luar Negeri;
- (iii) suasana politik bandar yang hendak dikembarkan itu;
- (iv) suasana ekonomi di bandar yang hendak dikembarkan, misalnya, sama ada dia boleh memberi perangsang kepada bandar di Malaysia; dan
- (v) lain-lain aspek seperti tahap teknologi, ciri-ciri seni budaya dan sebagainya.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya yang pertama ialah saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri apakah perkembangan tercapai dari segi ekonomi, kesukanan, kebudayaan, pelancongan, pendidikan dan sebagainya sejak Kuala

Lumpur berkembar dengan tiga bandar yang telah pun disebut oleh Yang Berhormat Menteri secara terperinci dan misalan yang konkrit.

Yang kedua, berkaitan dengan satu lawatan scandalous ke Casabalanca oleh delegasi DBKL yang diketuai oleh bekas Datuk Bandar, saya ingin bertanya adakah satu laporan akaun yang penuh untuk perjalanan lawatan itu telah disiapkan? Jika tidak, mengapa dan apakah jumlah akaun tuntutan yang dikemukakan oleh anggota-anggota delegasi yang didapati tidak tulen? Siapakah anggota-anggota itu dan sama ada mereka telah membayar balik wang kepada DBKL yang telah mendahulukan wang tersebut?

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan manfaat dalam berbagai bidang itu, kalau secara teliti tidak ada angka di sini, tetapi secara keseluruhannya memang kedua-dua bandar yang berkembar itu mendapat manfaat daripada pengalaman dan dapat mempelajari di antara satu sama lain.

Berhubung dengan akaun lawatan pihak DBKL ke Casabalanca, saya tidak ada angka di sini. Saya rasa Laporan DBKL akan memberikan satu laporan akaun yang terperinci tentang hal ini.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu bandar-bandar manakah yang akan berkembar lagi (*Ketawa*) pada masa hadapan dan apakah syarat-syarat yang significant, dengan izin, untuk berkembar-kembaran ini?

Dato' Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya Kerajaan Pusat telah membuat satu

keputusan iaitu tidak menggalakkan perkembaran antara bandar di Malaysia dengan bandar-bandar di negara yang lain. Jadi, saya tidak tahu sama ada permohonan atau tidak, kalau ada permohonan untuk berkembar dengan bandar-bandar yang lain, kes itu akan dipertimbangkan kes demi kes.

**MEMORANDAM
PERSEFAHAMAN (MOU) DI
ANTARA MALAYSIA DAN
CHINA—PELAKSANAAN**

4. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) berapakah Memorandum Persefahaman (MOU) yang ditandatangani di antara Malaysia dan China semasa kunjungan terakhir negara itu ke Malaysia dan apakah persetujuan tersebut;
- (b) setakat manakah pelaksanaan MOU sekarang dan sejauhmanakah perlaksanaannya nanti dapat mengimbangi dagangan antara kedua-dua negara; dan
- (c) apakah yang dapat atau cuba digambarkan oleh Kerajaan dengan MOU yang begitu banyak dalam masa satu lawatan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lawatan rasmi terakhir Negeri China ke Malaysia ialah lawatan Tuan Yang Terutama He Zhiqiang, Gabenor Wilayah Yunnan pada 20hb-27hb Ogos 1993.

Lawatan tersebut adalah dibuat di atas undangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bertujuan untuk memperatkan lagi persahabatan dan kerjasama dua hala Malaysia-China khususnya di antara Malaysia dan Wilayah Yunnan dalam bidang ekonomi dan perdagangan.

Semasa lawatan tersebut tiada Memorandum Persefahaman (MOU) yang ditandatangani oleh kedua-dua buah negara. Oleh yang demikian, soalan (b) dan (c) tidak berkenaan.

**SINDIKET MENJUAL/
MEMALSUKAN PASPORT, KAD
PENGENALAN DAN VISA**

5. Dato' Haji Mohd. Shariff bin Jajang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah sebenar warganegara asing yang bekerja dan bermastautin di Malaysia pada 31 Ogos, 1993;
- (b) berapakah jumlah permohonan mendapatkan Taraf Permastautin Tetap (PR) yang diterima dan yang telah diluluskan;
- (c) berapakah jumlah rakyat Malaysia yang telah mendapat taraf PR di negara asing dan jumlah rakyat Malaysia yang memohon menjadi warganegara asing; dan
- (d) dapatkah Kerajaan mengenal pasti dan mendedahkan mana-mana kakitangan Kerajaan yang terlibat dalam sindiket menjual pasport, memalsukan kad pengenalan, memalsukan visa/pasport dan menjual pasport kepada warganegara asing

secara haram dan apakah tindakan-tindakan yang telah dilakukan terhadap mereka.

**Setiausaha Parlimen Kementerian
Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):**
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga 31hb Ogos, 1993 terdapat seramai 298,933 warganegara asing yang bekerja di sini. Daripada jumlah tersebut, 61,269 orang adalah pemegang Pas Penggajian dan 237,664 orang merupakan pemegang Pas Lawatan Kerja Sementara.
- (b) Dari tahun 1988 hingga bulan September 1993, sebanyak 8,221 permohonan untuk mendapatkan taraf penduduk tetap telah diterima. Daripada jumlah tersebut sebanyak 3,585 permohonan telah diluluskan.
- (c) Oleh kerana setakat ini tiada sebarang peraturan yang menetapkan setiap warganegara Malaysia yang memohon atau telah memperolehi taraf penduduk tetap negara lain dikehendaki melaporkan kepada Jabatan Imigresen atau Jabatan Pendaftaran Negara, maka tiadalah sebarang maklumat berkaitan yang disimpan dan dapat dilaporkan di sini.
- (d) Kerajaan memang memandang berat terhadap kegiatan-kegiatan mengedar dan menjual dokumen-dokumen seperti pasport dan kad pengenalan Malaysia yang dipalsukan, yang melibatkan kakitangan Kerajaan sendiri. Mereka yang terlibat

telah diambil tindakan termasuklah menahan mereka di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan tindakan membuang kerja.

Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya bagi tahun 1988, 1991 dan 1992, seramai 12 orang kakitangan Imigresen Malaysia telah ditangkap dan ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 kerana terlibat dengan kegiatan penyelewengan passport. Daripada jumlah tersebut, 4 orang telah dibuang kerja, 3 orang meletakkan jawatan, 4 orang digantung kerja dan seorang telah meninggal dunia semasa dalam tahanan.

Tidak ada sebarang kes pemalsuan kad pengenalan yang melibatkan kakitangan Kerajaan setakat ini yang dilaporkan. Oleh kerana mereka yang telah sabit kesalahan telah pun dihukum dan demi untuk kepentingan masa depan mereka, adalah tidak wajar untuk menyebut nama mereka satu persatu di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui tentang kedudukan operasi yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian untuk menentukan jumlah kedudukan pendatang-pendatang haram pada masa yang lalu dan apakah cadangan pihak Kementerian pada masa hadapan?

Soalan yang kedua ialah berhubung dengan rakyat Malaysia yang telah berpindah ke luar negeri, termasuk yang mendapat taraf Pemastautin

Tetap di luar negeri. Saya ingin mengetahui berapa ramai daripada mereka yang telah memohon untuk kembali semula ke negara ini untuk menjadi warganegara semula, dan apakah alasan-alasan yang telah mereka timbulkan serta berapa ramai daripada yang memohon itu yang telah diterima?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, petugas khas yang ditubuhkan oleh Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab ke atas operasi-operasi pengesanan akan berterusan mengambil tindakan mencegah ataupun menangkap pendatang tanpa izin.

Sepertimana telah saya sebut tadi akibat daripada operasi itu Kerajaan sekarang telah dapat mengawal keadaan dengan lebih baik, di mana pendatang tanpa izin yang masuk secara haram atau tanpa izin itu telah pun ditahan melalui operasi-operasi yang dijalankan oleh pihak Polis dan penguatkuasa-penguatkuasa yang lain. Mereka dimasukkan ke dalam Kem Tahanan Imigresen ataupun Depoh Imigresen. Di situ majikan dibenarkan untuk berunding dengan pegawai Imigresen sama ada mereka itu sesuai untuk terus bekerja atau tidak. Kalau sesuai mereka boleh daftar semula dengan prosedur-prosedur tertentu untuk memastikan mereka itu mudah disahkan nanti. Mereka yang tidak terlibat ataupun tidak mempunyai dokumen kerja dan dokumen perjalanan yang sah akan terus ditangkap. Jadi hingga hari ini operasi itu tidak berhenti dan nampaknya adalah berkesan.

Cadangan Kementerian ialah kita akan terus menjalankan Operasi Nyah I dan II. Operasi Nyah I adalah untuk memperketatkan rondaan supaya tidak

ramai pendatang haram masuk lagi dan Operasi Nyah II ialah menangkap mereka yang sudah masuk.

Bagi rakyat yang sudah berpindah ataupun sudah pergi ke luar negeri mendapat taraf penduduk tetap, saya telah jawab tadi iaitu sesiapa rakyat Malaysia sekiranya mendapat taraf penduduk tetap di luar negeri, mereka tidak perlu melaporkan kepada kita dan mereka tidak akan kehilangan taraf warganegara di sini, kecuali kalau sekiranya mereka memohon secara sukarela dan memperolehi taraf kewarganegaraan di negara itu barulah di bawah Peruntukan 24, Perlembagaan mereka akan dilucutkan kewarganegaraan Malaysia. Sesiapa yang mendapat PR kita tidak mempunyai rekod dan tidak perlulah mereka memohon untuk kembali ke negara ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui adakah Yang Berhormat mempunyai angka tetap warganegara Malaysia yang telah menjadi warganegara asing, tetapi memohon semula untuk mendapat kewarganegaraan Malaysia? Dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa majoriti rakyat negara kita tidak senang hati dengan penerimaan mereka ini, oleh kerana mereka meninggalkan negara di waktu negara keadaan ekonomi negara yang tidak baik, tetapi sesudah ekonomi negara bertambah baik mereka berhasrat untuk pulang dan ada mereka ini dibantah oleh majoriti rakyat Malaysia. Adakah pihak Kementerian sedar mengenai perkara ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka tepat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas. Walau bagaimanapun, saya akan semak dengan Jabatan dan sekiranya dapat angka itu saya akan sampaikan kepada Ahli Yang Berhormat.

Kerajaan memang sedar adanya warganegara Malaysia yang mengambil atau memperolehi kewarganegaraan negara lain, tetapi kalau sekiranya seseorang itu telah mempunyai kewarganegaraan yang lain, tidak kira siapa atau di bawah keadaan mana sekalipun, mereka menjadi warganegara negara lain, oleh sebab yang demikian sama ada mereka sendiri menyerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia kepada Kerajaan ataupun Kerajaan lucutkan taraf kewarganegaraan mereka. Untuk mereka memohon semula, mereka terlebih dahulu mestilah memohon kepada Menteri Dalam Negeri mengikut peruntukan Perlembagaan 18 (2). Menteri Dalam Negeri akan menentukan sama ada seseorang itu boleh mengemukakan permohonan semula mengikut peruntukan-peruntukan yang lain. Dengan lain perkataan maknanya bukan senang bagi mereka yang sudah menyerah atau dilucut kewarganegaraannya untuk memohon semula—bukan senang tetapi susah.

Mereka lebih susah daripada orang asing, kerana salah satu syaratnya ialah mereka perlu bermastautin di sini selama 12 tahun. Jadi, untuk mereka balik dan duduk 12 tahun itu adalah satu masalah bagi mereka. Ini bukan senang.

KANAK-KANAK TERBUANG— BILANGAN KES

6. Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) bilangan kes-kes membuang bayi yang dapat dikesan sepanjang tahun 1992 dan 1993;
- (b) bilangan bayi yang dapat diselamatkan; dan

- (c) sebab-sebab berlakunya kejadian ini dan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Daripada rekod yang ada di Kementerian saya, jumlah kanak-kanak terbuang yang dapat dikesan sepanjang tahun 1992 ialah 55 kes. Bagi tahun 1993 (sehingga bulan September) ialah sebanyak 29 kes.
- (b) Kesemua bayi yang dikesan itu dapat diselamatkan.
- (c) Sebab sebenar berlakunya kejadian pembuangan anak adalah tidak diketahui kerana ibu bapa atau penjaga yang meninggalkan kanak-kanak tersebut tidak dapat dikesan. Walau bagaimanapun dipercayai di antara punca berlakunya kejadian ini ialah:
- kanak-kanak berkenaan adalah anak yang dilahirkan di luar nikah. Mereka dibuang untuk menutup malu, atau takut diketahui oleh ibu bapa atau saudaramara, atau tidak mampu menjaga kanak-kanak itu;
 - kanak-kanak tersebut mempunyai kecacatan dan ibu bapa tidak mahu memelihara kanak-kanak cacat;
 - keretakan rumah tangga atau perselisihan faham suami isteri; dan
 - suami meninggalkan isteri dan isteri tidak berupaya menanggung anak itu.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk mengatasi masalah ini ialah:

- (i) menyelamatkan dan melindungi kanak-kanak terbuang;
- (ii) memberi bimbingan, nasihat dan lain-lain bantuan kepada ibu bapa yang mempunyai masalah untuk menjaga anak-anak mereka; dan
- (iii) menubuhkan Pasukan Perlindungan Kanak-kanak di tiap-tiap daerah dan negeri. Di antara aktiviti Pasukan Perlindungan Kanak-kanak ini ialah:
 - (a) memberi pendidikan awam kepada anak-anak gadis belasan tahun supaya mereka mengetahui cara-cara menjaga diri daripada diperdaya oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab; dan
 - (b) memberi pengetahuan kepada ibu bapa tentang betapa mustahaknya menjalin perhubungan yang baik dan rapat dengan anak-anak supaya jika ada apa-apa masalah, ibu bapa cepat mengenal pasti masalah itu dan anak juga tidak merasa takut atau malu memberitahu masalah kepada ibu bapa mereka.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji

Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah dapat dikesan mereka yang melakukan jenayah membuang bayi ini dan apakah tindakan undang-undang yang pernah diambil?

Kedua, apakah kaedah dibuat untuk mengemukakan satu undang-undang sehingga boleh bertindak dengan lebih keras dan tegas bagi mengatasi masalah tersebut.

Dato' Alexander Yu Lung Lee:

Tuan Yang di-Pertua, memanglah kes pembuangan bayi ini adalah satu kesalahan di bawah Akta Perlindungan Kanak-kanak tetapi masalahnya, kita tidak dapat menangkap ibu bapa atau penjaga bayi tersebut.

Berkenaan dengan kajian untuk mengadakan satu undang-undang, sekarang kita sudah ada peruntukan di bawah Akta Perlindungan Kanak-kanak yang memberi peruntukan supaya tindakan diambil kepada sesiapa yang melakukan kesalahan itu.

Puan Rohani binti Abd. Karim:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyenaraikan 55 kes sepertimana disebutkan tadi, mengikut negeri-negeri ataupun bandar-bandar?

Dato' Alexander Yu Lung Lee:

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka-angka itu. Walau bagaimanapun saya akan memberi jawapan itu kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, bagaimana Kerajaan boleh mengecamkan bayi yang telah dibuang itu berketurunan dari kaum apa? Ini mungkin juga ada terlibat dengan agama yang mana ianya adalah isu yang sangat sensitif.

Dato' Alexander Yu Lung Lee:

Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik yang kita ada, semenjak dari tahun 1988 sehingga 1992, jumlah bayi yang dibuang ialah 202 orang. Daripada angka-angka ini kita boleh tahu berapa bayi Melayu, Cina, India dan lain-lainnya.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya bagaimana hendak mengecam bayi itu, bukannya bilangan! (*Ketawa*) Jawapan itu sangat berlainan.

BIJIH TIMAH— SEBAB KEJATUHAN HARGA

7. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah sebab-sebab utama yang mengakibatkan harga bijih timah jatuh di bawah paras RM11 satu kilo. Apakah langkah yang diambil untuk membaiki harga bijih timah.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, kelembapan pasaran timah semasa dan kejatuhan harga timah sehingga di bawah paras RM11 sekilo adalah disebabkan oleh lebih bekalan timah di dalam pasaran yang dianggarkan sebanyak 38,700 tan pada penghujung bulan Jun 1993. Stok timah yang berlebihan di dalam pasaran berpunca daripada pelepasan timah yang tinggi oleh Amerika Syarikat, permintaan pengguna yang statik, pengeksporan yang tak terkawal oleh negara-negara pengeluar timah yang bukan anggota Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) serta penjualan timah oleh Komanwel Negara-negara Bebas (CIS). Selain daripada itu, harga timah di pasaran juga dipengaruhi oleh sentimen pasaran dan pertukaran wang asing.

Di Persidangan ATPC pada bulan Oktober 1992 yang lepas, sebagai langkah untuk memperbaiki pasaran dan harga timah, negara-negara anggota ATPC telah bersetuju untuk melanjutkan Skim Merasionalisasikan Bekalan Timah (SRS) bagi tempoh kali ketujuhnya, iaitu dari 1 Januari hingga 31 Disember, 1993. Jumlah timah yang dijangka dapat disusut dalam tempoh SRS ketujuh ini ialah 7,300 tan. Ini akan dapat menurunkan lebih timah di pasaran ke paras normal, iaitu kira-kira 20,000 tan. Walau bagaimanapun, penilaian awal menunjukkan bahawa penyusutan yang dijangka itu tidak berlaku akibat faktor-faktor yang dinyatakan di atas. Perlu ditekankan di sini bahawa faktor-faktor tersebut adalah di luar kemampuan kawalan negara-negara anggota ATPC.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya oleh kerana harga timah jatuh tetapi bagi syarikat-syarikat yang mempunyai timah base, iaitu yang terlibat dengan industri timah, baru-baru ini harganya telah melambung tinggi. Apakah kesan hubungan di antara pelabur yang membeli saham-saham timah base? Syarikat-syarikat yang mempunyai timah base sekarang harganya cukup tinggi dengan keadaan harga timah. Adakah ini menunjukkan bahawa berlaku satu keadaan di mana ada salah faham atau sesuatu yang berlaku yang menyebabkan pelabur tidak tahu harga timah jatuh, tetapi saham timah telah dibeli begitu banyak daripada syarikat yang berbasekan timah.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui syarikat-syarikat timah itu adalah pada namanya sahaja, tetapi dia ada kegiatan lain, seperti bidang perumahan,

perhotelan dan sebagainya. Nama sahaja timah. Sepatutnya ini dijawab oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Wong Wing On: Tuan Yang di-Pertua, harga bijih timah memang mempunyai pengaruh yang terbesar sekali di kawasan saya. Soalan tambahan saya ialah, berapakah bilangan lombong bijih timah yang masih ada di negara ini?

Kedua, apakah Kerajaan bercadang untuk membangunkan semula kawasan-kawasan seperti Kampar, Tapah, Ipoh dan sebagainya terhadap sosio ekonomi kawasan-kawasan bekas lombong itu, kerana lombong dan industri bijih timah itu telah banyak memberi sumbangan kepada pembangunan negara ini. Sekarang kawasan-kawasan itu, umpamanya di kawasan saya sendiri, orang-orang muda tidak ada pekerjaan. *(Disampuk)* Saya harap Kerajaan akan mengambil perhatian dalam masalah ini.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak berhajat lagi untuk menumpukan bidang perlombongan ini, dan memandangkan masa depan timah agak tidak begitu menentu, tidak begitu membanggakan. Namun demikian, Kerajaan menggalakkan supaya Kerajaan-kerajaan Negeri menolong mana-mana kawasan perlombongan yang teruk ini dengan mengadakan projek-projek yang lebih viable seperti projek perumahan, pertanian dan sebagainya.

PENDATANG ASING— KEGIATAN JENAYAH

8. Dr. Osman Minudin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengikut kenyataan Ketua Polis Negara yang

tersiar dalam surat khabar tempatan semasa lawatan beliau ke Negeri Sabah, bahawa 99% kes pembunuhan dan rompakan telah melibatkan orang asing. Apakah tindakan Kementerian untuk mencegah perkara ini dari berlaku lagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memandang berat terhadap kegiatan-kegiatan jenayah yang dilakukan oleh pendatang asing. Pihak Polis secara berterusan sentiasa merancang tindakan-tindakan pencegahan bagi membanteras kegiatan mereka. Di antara tindakan yang diambil ialah dengan menjalankan risikan bagi mengenal pasti kumpulan-kumpulan atau individu-individu yang disyaki melakukan jenayah. Setelah maklumat diperolehi yang mengesahkan mereka terlibat dengan kegiatan jenayah, pihak Polis akan mengambil tindakan mengikut peruntukan undang-undang jenayah.

Datuk Monggoh Orow: Tuan Yang di-Pertua, jenayah pembunuhan dan rompakan ini memang adalah jenayah yang serius kerana melibatkan nyawa dan juga harta benda. Dan kita ketahui di Sabah memang banyak pendatang-pendatang asing kalau mengikut kenyataan Ketua Polis Negara pada lawatannya yang sama, lebih kurang 600,000 pendatang asing di Sabah datang daripada Filipina dan juga Indonesia.

Kita memujilah Kerajaan seperti mana yang dikatakan oleh Setiausaha Parlimen tadi, bahawa pihak Polis telah mengadakan langkah-langkah untuk membendung jenayah-jenayah ini. Tetapi, adakah tidak pihak Kerajaan Persekutuan bercadang untuk mengusir kembali pendatang-pendatang asing ini

supaya bukan sahaja kita dapat membendung jenayah ini, tetapi juga menghapuskan sama sekali.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya tidak membenarkan sesiapa masuk ke dalam negara kita secara tanpa izin atau tidak mengikut undang-undang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Sabah pada tahun ini pasukan petugas ataupun penguatkuasa di Sabah telah pun berjaya menangkap ataupun menahan seramai 8,062 pendatang tanpa izin dan seramai 7,765 orang telah pun dihantar pulang. Ini sebagai satu contoh di mana usaha memang diteruskan dan Kerajaan tidak akan mengambil ringan perkara ini.

Pada masa ini, beberapa Pusat Tahanan Sementara sedang dalam proses diserahkan oleh Kerajaan Negeri kepada Pasukan Petugas Khas. Selepas itu, saya rasa operasi ini akan dapat dipertingkatkan lagi.

Dr. Osman Minudin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada pendapat dan fahaman saya, penerangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa Kem Tahanan ini telah pun siap dan telah pun sedia untuk digunakan pada awal tahun ini. Tetapi, dalam jawapan pada kali ini, didapati bahawa belum lagi sedia untuk digunakan. Apakah yang menyebabkan perkara itu berlaku demikian?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan kem itu belum sedia, tetapi saya mengatakan dalam proses penyerahan, sebab ini ada berkaitan dengan hak milik. Tanah itu semua kepunyaan Kerajaan Negeri. Jadi, dia kena sahkan dahulu sebelum kita boleh menggunakannya. Walau bagaimanapun, saya pernah menjawab

secara bertulis, tanpa kem-kem ini pun, penguatkuasa kita sudah menangkap, sudah mengusir, kita tidak hanya menunggu sahaja.

JEJANTAS DI KUALA LUMPUR—BILANGAN

9. Dr. Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan bilangan jejantas yang terdapat di Kuala Lumpur. Sila senaraikan. Apakah kriteria yang digunakan untuk membina jejantas-jejantas tersebut. Apakah peratusan pejalan kaki yang menggunakan jejantas-jejantas tersebut. Bilakah jejantas-jejantas baru akan dibina di Pekan Kepong dan di bahagian Jinjang—Jalan Kepong.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan jejantas yang terdapat di Kuala Lumpur ialah 42 buah.

Kriteria yang digunakan di dalam membina jejantas tersebut ialah keadaan lalu lintas di jalan yang terlibat dan bilangan pengguna yang terdapat di kawasan tersebut.

Peratusan pejalan kaki yang menggunakan jejantas-jejantas adalah berbeza di antara satu tempat ke satu tempat yang lain, umpamanya jejantas di Plaza Yow Chuan dan di Jalan Syed Putra berhadapan Sekolah Kuen Cheng, peratus pejalan kaki yang menggunakan hampir 100%.

Tawaran untuk membina sebuah jejantas baru di Pekan Kepong berdekatan Balai Polis telah diberi kepada sebuah firma kontraktor. Kerja-kerja sekarang terbengkalai kerana kontraktor tersebut tidak menyempurnakan kerja mengikut kehendak

perjanjian kontrak. Usaha sedang diambil untuk melantik kontraktor baru bagi menjalankan kerja tersebut.

Bagi sebahagian Jalan Kepong di kawasan Jinjang, kemudahan melintas jalan akan disediakan di lampu-lampu isyarat yang sedia ada untuk digunakan oleh pejalan-pejalan kaki.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa selain daripada jejantas dekat dengan Yow Chuan Plaza, saya sendiri ada menyaksikan semasa Persidangan AIPO, ramai orang yang menggunakannya, itu betul, hampir 100%. Tetapi di kebanyakan jejantas termasuk di Puduraya tidak banyak, ada orang yang tidak menggunakan jejantas langsung. Adakah ini bermakna pihak Kerajaan akan merobohkan jejantas yang tidak digunakan.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Dr. Tan Seng Giaw: Dia tidak digunakan, memang tidak digunakan, Padang Terap pun tidak digunakan. (*Ketawa*) Yang tidak digunakan, kita robohkan; yang diperlukan, kita buat.

Adakah dia sedar tadi ada disebutkan, memang jejantas penting, kita hendak menjaga keselamatan pejalan kaki.

Seorang Ahli: Hendak robohkan buat apa?

Dr. Tan Seng Giaw: Roboh kerana orang tidak gunakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan pertanyaan .

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak guna, mesti dirobohkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila bertanya, apa soalan itu?

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah beliau sedar bahawa di Pekan Kepong dan juga di Jalan Gombak/Setapak di mana kontrak itu diberi kepada kontraktor untuk membina jejantas di kedua-dua pekan masing-masing. Akan tetapi, sepertimana yang berlaku di tempat-tempat lain, dengan kontrak-kontrak lain, iaitu kontrak diberi kepada satu penender tetapi tidak dapat membina jejantas itu. Bukan sahaja terbengkalai, tetapi tidak dibina langsung, iaitu papan iklan diletakkan di situ, tetapi tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Larut dan Padang Terap tidak faham mengenai Bahasa Malaysia. (*Ketawa*) Memang tidak faham, adakah beliau sedar, bukankah itu satu soalan?

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, yang lebih serius ialah kebanyakan kontrak termasuk jejantas ini diberi kepada penender, tetapi penender-penender tidak mampu untuk membina, untuk membuat, untuk

Beberapa Ahli: Soalnya apa?

Dr. Tan Seng Giaw: Tadi saya telah ulang, adakah dia sedar?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara; pertama, ialah mengenai penggunaan jejantas dan kedua, mengenai kontrak yang diberi kepada penender-penender. Apakah kriteria?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, apakah kriteria. Lagi, lagi?

Dr. Tan Seng Giaw: Apakah kriteria yang diberi dan digunakan untuk memberi tender-tender kepada penender-penender ini dan bilakah kontrak ini dapat dilaksanakan? Kerana membuang masa yang banyak. Lebih daripada RM500,000. Jadi, Arau tolonglah sedikit, ini asyik bising-bising sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat dapat menjawab soalan-soalan saya yang telah pun diganggu oleh pihak para penyokong-penyokongnya.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya sebut tadi, bahawa kontraktor yang telah berjaya mendapat kontrak ini telah pun terbengkalai kerjanya dan usaha sedang dibuat untuk melantik kontraktor yang baru.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, jejantas-jejantas itu adalah baik dari segi keselamatan pejalan-pejalan kaki, tetapi kadangkala ia juga menjadi satu ancaman kepada orang ramai. Terdapat banyak jejantas-jejantas di Kuala Lumpur ini dilindungi oleh papantanda-papantanda iklan yang tidak kelihatan dari luar dan jejantas-jejantas ini sudah menjadi satu tempat yang paling sesuai untuk penjenayah-penjenayah, seperti sex maniac, yang menunjukkan kemaluan mereka, khasnya kepada gadis dan perempuan termasuk penuntut-penuntut sekolah. Ini benar. Tanyalah pihak Polis. Juga perompak yang cuba merompak dan membuat sesuatu perbuatan yang tidak diingini seperti molesting atau mencabuli kehormatan seseorang.

Adakah Yang Berhormat sedar bahayanya masalah ini dan demi kepentingan orang ramai bercadang menurunkan papantanda iklan yang ada di jejantas-jejantas sekarang. Kalau tidak boleh, mengapa?

Satu perkara lagi yang ingin saya timbulkan ialah saya pernah mengemukakan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tiga bulan yang lalu mengenai jejantas di hadapan Taman Midah, Cheras di mana masalah-masalah seperti yang saya sebutkan tadi sering berlaku tetapi sehingga sekarang papantanda iklan belum diturunkan. Apakah sebabnya?

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, jejantas, selain ia memberikan perkhidmatan untuk pejalan-pejalan kaki di dalam keadaan kesesakan lalu lintas di sesuatu kawasan, ia juga mempunyai watak untuk mengindahkan Kuala Lumpur. Oleh kerana itu, setiap jejantas dihias dengan papantanda pengiklanan yang sedemikian rupa agar Kuala Lumpur lebih indah dan lebih nyaman. Kes-kes yang tersembunyi seperti menunjukkan kemaluan tidak pernah pula kita dapati atau mendapat sebarang laporan. Saya kira barangkali Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi kebetulan ternampak kes ini. (*Ketawa*)

INSENTIF MEMAJUKAN PULAU SEBAGAI PUSAT PELANCONGAN

10. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menjelaskan:

(a) apakah jenis galakan atau insentif yang akan disediakan oleh pihak Kementerian kepada

orang perseorangan yang ingin memajukan pulau sebagai pusat pelancongan;

- (b) apakah ciri-ciri yang terdapat pada sesebuah pulau untuk membolehkan pulau itu boleh dibangun atau dimajukan sebagai pusat pelancongan; dan
- (c) berapakah bilangan pulau yang telah dikenal pasti oleh pihak Kementerian untuk dimajukan sebagai pusat pelancongan.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pengusaha-pengusaha perseorangan boleh memohon untuk mendapatkan pinjaman yang disediakan oleh Kerajaan melalui Tabung Khas Pelancongan yang memberi kemudahan pinjaman kewangan bagi membiayai pembangunan projek-projek pelancongan. Pinjaman ini dikendalikan oleh bank-bank komersil dan dikenakan kadar faedah yang rendah sebanyak 4%. Bagi saiz projek minima sebanyak RM100,000 bagi sebuah projek.

Selain dari itu, kemudahan pembiayaan juga disediakan oleh Kerajaan kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana, melalui Tabung Khas Pelancongan di mana syarat-syarat pinjaman adalah berpatutan.

Dari segi pelancongan, sesebuah pulau harus mempunyai daya tarikannya dari segi keindahan alam, keluasan pantainya dan keunikan flora dan faunanya sebelum ia boleh dimajukan sebagai destinasi pelancongan. Selain dari itu, pulau itu harus juga bebas dari pencemaran dan mempunyai kemudahan-kemudahan asas seperti tempat penginapan, tandas awam, tempat rihat dan sebagainya.

Pulau-pulau seperti Pulau Tioman, Pulau Pangkor, Pulau Langkawi, Pulau Redang, Pulau Pinang, Pulau Rawa, Pulau Angsa, Pulau Pisang, Pulau Perhentian adalah di antara pulau yang telah dikenal pasti untuk dimajukan sebagai tarikan pelancongan. Walaupun pembangunan pulau-pulau dikendalikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, Kementerian sentiasa membantu dari segi pemberian khidmat nasihat dan juga memperolehi pembiayaan dari Agensi Pusat.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kerajaan menswastakan projek pelancongan pulau-pulau? Jika ada di mana dan siapakah yang mendapatnya? Apakah kriteria penswastan itu sendiri?

Dato' Chan Kong Choy: Kerajaan memang ada menswastakan projek-projek mengenai pembangunan pulau-pulau yang ada di Malaysia, tetapi soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Klang ini memerlukan perangkaan dan maklumat-maklumat yang terperinci. Maka saya men cadangkan supaya soalan ini dijawab secara bertulis.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah pihak Kementerian berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, terutamanya Kerajaan-kerajaan Negeri yang di bawah penguasaan Barisan Nasional menetapkan garis-panduan tentang pembangunan pulau-pulau ini, kerana kita dapati, sebagai contohnya apa yang berlaku di Terengganu, di mana pembangunan Pulau Redang yang memberi kepentingan kepada orang asing 100%, bagaimana tanah itu dijual dengan harga RM500 satu hektar, kemudian dijual pula kembali dengan harga RM70,000 dan syarikat berkenaan mendapat keuntungan berlipat kali

ganda. Walaupun tanah adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, itu saya faham, tetapi bolehkah Kementerian membuat satu garis-panduan supaya pulau-pulau yang hendak dibangunkan mestilah pertama sekali dari segi penglibatan ekuiti tempatannya mesti ada percentagenya. Keduanya ialah penggunaan wang Kerajaan negeri untuk membangunkan pulau berkenaan mestilah di atas kepentingan rakyat. Bagaimanakah Kerajaan Terengganu boleh menggunakan wang RM20 juta untuk perbekalan air kepada Pulau Redang yang tidak bersangkutan paut dengan rakyat Negeri Terengganu? Jadi, bolehkah Kementerian mengenakan garis-panduan berbincang dengan Kerajaan Negeri-negeri yang dikuasai oleh Barisan Nasional untuk memastikan kepentingan tempatan tidak terjejas dalam pembangunan pulau-pulau?

Dato' Chan Kong Choi: Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini akan dikaji oleh Kementerian dengan sewajarnya.

AIDS DAN KUMAN HIV— PENGAWALAN

11. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal pertambahan bilangan pesakit AIDS dan pembawa kuman HIV berikutan laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang telah dibentangkan di Persidangan Jawatankuasa Kesihatan Wilayah Pasifik Barat di Manila baru-baru ini dan juga nyatakan:

- (a) bilangan pesakit AIDS dan pembawa kuman HIV yang telah dikenal pasti di seluruh negara dan beri pecahan mengikut negeri masing-masing;

(b) peratus pertambahan bilangan pesakit AIDS dan pembawa kuman HIV di seluruh negara berbanding dengan tahun-tahun lepas serta pecahan mengikut negeri masing-masing; dan

(c) adakah Kerajaan bercadang menggubal undang-undang yang mewajibkan semua rakyat Malaysia menjalani ujian mengesan AIDS supaya angka sebenar pesakit AIDS dan pembawa kuman HIV dapat diketahui dan langkah-langkah pencegahan dapat dijalankan dengan berkesan.

Menteri Kesihatan (Dato' Lee Kim Sai): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal penyakit AIDS dan pembawa kuman HIV termasuklah memberi pendidikan kesihatan, termasuk kepada murid-murid sekolah, menggalakkan pendidikan agama, moral dan nilai-nilai baik seperti yang dianjurkan oleh institusi tertentu, memastikan penggunaan darah dan bahan darah bebas dari kuman HIV, mempertingkatkan lagi Program Pencegahan dan Kawalan Penyakit Kelamin, menggalakkan program pencegahan di kalangan penagih dadah, memberi latihan dan kemahiran di dalam pengendalian pembawa HIV dan kes AIDS, mempertingkatkan sistem pengawasan, mempertingkatkan kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan sama ada di dalam mahupun di luar negeri.

(a) Sehingga 31hb Ogos 1993, seramai 95 orang telah disahkan mengidap penyakit AIDS,

sementara 6, 588 orang pula telah dikenal pasti sebagai pembawa kuman HIV. Mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Kes AIDS</i>	<i>Pembawa HIV</i>
Perlis	3	66
Kedah	3	409
Pulau Pinang	7	163
Perak	11	379
Selangor	15	742
Wilayah Persekutuan	47	910
Negeri Sembilan	0	516
Melaka	1	118
Johor	5	1,454
Pahang	2	574
Terengganu	0	692
Kelantan	1	479
Sabah	0	7
Sarawak	0	79

(b) Peratus pertambahan bilangan pesakit AIDS serta pembawa kuman HIV adalah seperti berikut di bawah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan (b) ini peratusan agak panjang. Bolehkah saya beri jawapan kepada soalan (b) ini secara bertulis?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Lee Kim Sai:

(c) Kerajaan Malaysia buat masa ini tidak bercadang untuk menggubal undang-undang supaya mewajibkan semua rakyat Malaysia untuk menjalani ujian mengesan HIV. Ianya tidak dapat dijalankan kerana ujian tersebut tidak praktikal dan tidak berkesan disebabkan ujian penyaringan HIV atau HIV screening test, dengan izin, tersebut perlu dijalankan setiap 6 bulan sekali dan tentunya ia melibatkan kos

yang tinggi, di samping membebaskan kemudahan makmal dan kakitangan yang terlibat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, daripada bilangan pesakit-pesakit AIDS ini, berapa ramaikah pesakit-pesakit AIDS di sini yang terdiri daripada warganegara asing yang datang melancong dan mencari nafkah di Malaysia dan berapa ramaikah pula mereka ini pembawa HIV?

Apakah tindakan Kerajaan untuk menyekat pembawa-pembawa ini dari terus datang ke Malaysia?

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, sama ada dia orang asing atau warganegara, semua disenaraikan di dalam satu jumlah yang saya sebutkan tadi iaitu 6,683. Kalau didapati warganegara asing menghidapi atau ada jangkitan AIDS, mereka akan dihantar balik mengikut penguatkuasaan undang-undang kerana sesiapa yang dijangkiti penyakit jangkitan kalau mengikut undang-undang Imigresen, orang-orang asing itu boleh dihantar balik.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada Kerajaan masih mengimport blood pellet ataupun darah dari luar negeri dan di samping itu, berapa banyak pula di antara pengidap ataupun pembawa kuman HIV atau pengidap AIDS adalah hasil daripada blood transfusion daripada luar negeri?

Pada waktu yang sama, adakah seluruh hospital di negara ini telah pun diperlengkapkan dengan alat untuk mengesan darah-darah yang didermakan oleh pihak umum bebas daripada kuman HIV?

Dato' Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1985, produk darah yang dibeli atau diimport dari luar negeri adalah mengikut prosedur di mana perlindungan supaya produk darah itu bersih atau bebas dari kuman HIV.

Yang kedua, pusat derma darah di blood ataupun di bank-bank darah di hospital-hospital berkenaan memang mempunyai alat yang lengkap untuk menjalankan screening test. Didapati semua darah yang didermakan oleh orang ramai itu setelah diuji dan dikenal pasti tidak mempunyai jangkitan ataupun tidak mempunyai contamination barulah darah yang berkenaan boleh digunakan.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 32 adalah dijilid dalam buku berasingan).

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN BOMBA (PINDAAN) 1993

Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (20 Oktober, 1993)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Klang.

Tuan Lim Guan Eng: Point of Order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, point of order.

Tuan Lim Guan Eng: Saya ingin mendapat nasihat dari Tuan Yang di-Pertua kerana mengikut amalan Parlimen, apabila sesebuah Akta atau Rang Undang-undang dibentangkan untuk bacaan kali yang kedua, biasanya ia akan disokong oleh seorang Menteri tetapi apa yang berlaku semalam iaitu semasa Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 1993 dibacakan kali yang kedua oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, ia bukan disokong oleh seorang Menteri tetapi oleh seorang Ahli Parlimen yang biasa iaitu Yang Berhormat Tuan Yim Chee Cheong dari Seremban.

Kalau saya tidak silap, Tuan Yang di-Pertua, dia masih belum menjadi seorang Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen. Mungkin dia hendak cubalah. (*Ketawa*) Masih belum sampai masanya. Tetapi kalau begitu, adakah dari segi prosedur keseluruhan perbahasan yang dijalankan terjejas? Kalau saya boleh merujuk, Tuan Yang di-Pertua, pada muka surat 128, *Hansard* untuk hari semalam di mana adalah nyata sekali bahawa Tuan Yim Chee Cheong dengan penuh semangatnya menyatakan, "Saya menyokong sepenuhnya". (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat menyebut Peraturan Mesyuarat yang ke berapa?

Tuan Lim Guan Eng: Kalau mengikut Peraturan Mesyuarat ialah 48 tetapi ia tidak terkandung dengan nyata di sini. Oleh itu, saya hendak dapatkan nasihat dari Tuan Yang di-Pertua. Tetapi mengikut amalan seperti yang sedia dimaklumkan oleh Tuan Yang di-Pertua, biasanya ia mesti disokong oleh seorang Menteri tetapi kali ini nampaknya lain sedikit. Kalau kita tengok Peraturan Mesyuarat 48, ia

hanya menyentuh bahawa ia dibentangkan untuk bacaan kali kedua tetapi kalau ini adalah satu Rang Undang-undang yang dibawa oleh seorang Menteri, ia harus disokong oleh seorang Menteri dan juga termasuk Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen tetapi bukan seorang Ahli Parlimen yang biasa, yang sangat biasa seperti Yang Berhormat dari Seremban.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, mengikut panduan yang ada pada kita iaitu berkenaan dengan Peraturan-peraturan Mesyuarat, menyokong ini tidaklah semestinya seorang Menteri. Seorang Ahli pun boleh. Di dalam Peraturan Mesyuarat ini dinyatakan seorang Ahli lain boleh menyokong. Bukan semestinya seorang Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Ini bukan Government Motion, bukan Government Bill, sudah menjadi Private and Hybrid Bills. Sebab itu, kalau mahu menjadi Government Bill perlu anggota Kerajaan, baik Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen. Kalau tidak, itu bukan Government Bill. Ia menjadi Hybrid Bill, Private Members' Bill dan patutlah dikemukakan semula dan disokong semula oleh seorang anggota Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Pada fikiran saya, kalau sekiranya Rang Undang-undang itu telah dikemukakan oleh seorang Menteri, maka telah pun menjadi Rang Undang-undang Kerajaan. Itu sudah mencukupi. Menyokong itu hanya dikehendaki sebagai satu syarat untuk menyokong, iaitu dikehendaki dua orang yang mengemukakan Rang Undang-undang itu. Pada fikiran saya, tidaklah payah hendak dikemukakan semula.

Saya minta Ahli Yang Berhormat dari Klang menyambung ucapannya.

3.41 ptg.

Tuan Fong Kui Lun (Klang): Tuan Yang di-Pertua, laporan bomba diperlukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan ataupun untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat. Laporan ini diperlukan untuk permohonan membina semula rumah ataupun memohon bantuan kebajikan. Tetapi apabila nama mangsa tidak tertera dalam laporan yang mengesahkan beliau adalah mangsa kebakaran di sesuatu rumah atau bangunan, maka permohonan ini untuk mendapatkan semula kebenaran atau bantuan ditolak.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu untuk memudahkan semua pihak, adalah dicadangkan supaya pihak bomba merangka satu cara atau identiti bahawa premis yang terbakar itu memang menjadi milik seseorang.

Di samping itu, oleh kerana negara kita sekarang sudah banyak bangunan berbilang tingkat dan terdedah kepada bahaya kebakaran, adalah perlu pasukan bomba kita mempunyai alat kelengkapan yang cukup seperti menggunakan snooker atau bantuan bomba dari udara termasuk mengadakan helipad di bangunan tinggi. Kita tidak perlu menunggu lama untuk melaksanakan hal ini kerana bahaya kebakaran berlaku pada bila-bila masa.

Latihan pencegahan dan memadamkan kebakaran di bangunan-bangunan tinggi hendaklah kerap diadakan yang melibatkan orang ramai supaya mereka terdedah dengan pengalaman dalam mengendalikan langkah-langkah pencegahan kebakaran dan gerakan menyelamatkan orang ramai dari bahaya kebakaran. sungguhpun latihan sedemikian telah dibuat sekali-sekala, tetapi ia masih belum mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena perhatikan juga apakah balai bomba dan kereta bomba serta anggota sudah cukup atau belum. Boleh dikatakan pasukan bomba sudah ketinggalan dari mendapat kemudahan dan kelengkapan moden dan terbaik. Kita boleh lihat semua balai bomba seluruh negara dan mendapati pasukan bomba masih menggunakan kereta bomba lama. Ada kereta bomba semenjak zaman British. Alat-alat yang lama dan bangunan quarters untuk kakitangan bomba pun masih tidak berubah, masih lagi berkeadaan lama—kecil dan sempit bagi keluarga besar. Contoh yang mudah bagi saya sebutkan di sini ialah balai dan quarters bomba di Klang Utara dan Klang Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, pernah berlaku, apabila pasukan bomba sampai ke tempat kebakaran, paip bomba menghadapi tekanan air yang rendah. Anggota bomba cuba menggunakan mesin menyedut air dari sungai atau longkang tetapi gagal kerana mesin rosak dan anggota terpaksa berkejar ke sana-sini untuk membetulkan mesin. Dalam pada itu, bangunan yang terbakar sudah tidak dapat diselamatkan.

Pernah juga berlaku di Pelabuhan Kelang, apabila Pasukan Bomba tidak dapat mencari lokasi kebakaran yang sebenar, mereka terpaksa bersusah-payah mencari telefon awam yang jauh semata-mata untuk berhubung dengan balai atau mengatur untuk mencari lokasi sebenar. Hal ini berlaku kerana pasukan bomba tidak ada telefon bimbit atau walkie-talkie. Adalah penting Jabatan Perkhidmatan Bomba berusaha untuk menukarkan alat-alat dan kelengkapan lama dengan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya memerhatikan tenaga pasukan bomba kerap diperlukan dalam masa

kecemasan seperti menyelamatkan mangsa kemalangan jalan raya yang tersepit, cubaan terjun bangunan dan sebagainya yang dikehendaki pasukan ini menjadi squad kecemasan. Kejadian pasukan bomba lewat sampai dan gagal menyelamatkan Allahyarham Abu Bakar Osman yang menemui kemalangan jalan raya di Lebuhraya Senawang-Air Keroh pada 2hb Septermber lalu yang mana Allahyarham meninggal dunia akibat tersepit dalam trailer terlalu lama setelah pasukan polis, peronda PLUS dan bomba sendiri tidak mempunyai alat menyelamatkan yang cukup dan terbaik.

Apakah kita menghendaki kejadian-kejadian seumpama ini berulang pada masa akan datang jika pasukan bomba tidak diperlengkapkan dengan peralatan yang canggih dan terkini? Pasukan Bomba tidak boleh menutup kelemahan sendiri dengan melemparkan alasan-alasan kepada pihak lain ataupun menyatakan ianya di luar kemampuan mereka, sedangkan mereka mempunyai tanggungjawab seperti kes kematian akibat kemalangan yang tidak dapat diselamatkan kerana kecuaiian dan kelemahan pasukan bomba.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perangkap maut dalam bangunan-bangunan sama ada bertingkat rendah atau berbilang tingkat, saya berasa musykil bagaimana lesen premis perniagaan atau sijil kelayakan bagi bangunan itu boleh dikeluarkan sedangkan terbukti kemudiannya ia menjadi perangkap maut. Siapakah yang bertanggungjawab? Bomba atau Pihak Berkuasa Tempatan? Satu pihak menyalahkan pihak lain. Untuk mengatasi masalah ini, adalah penting sekarang Kerajaan mengambil langkah tegas untuk tidak meluluskan sijil

kelayakan untuk menduduki sesuatu bangunan melainkan pasukan bomba mengambil langkah tegas memastikan keperluan pencegahan kebakaran dipatuhi sepenuhnya.

Bukanlah mustahil bangunan tidak mematuhi syarat bomba atau menjadi perangkap maut boleh diluluskan, jika pegawai pemeriksa bomba sengaja meluluskannya.

Sekia, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Padang Terap.

3.48 ptg.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pembentangan Rang Undang-undang ini khususnya apa yang disebut di dalam Perkara 7 iaitu;

“Seksyen 62 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (c) dalam subseksyen (1), perenggan baru, iaitu perenggan (ca) yang berikut: “(ca) mengawalselia penubuhan pasukan bomba sukarela;”

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah saya bangkitkan lebih kurang 4 tahun yang lalu, pentingnya bomba-bomba sukarela yang wujud di seluruh negara ini diformalisekan, dengan izin. Dahulu bomba-bomba sukarela ini merupakan hanya kelab-kelab sahaja yang timbul daripada kehendak sebahagian daripada penduduk-penduduk yang ditempatkan di kawasan yang sesak, khususnya di kampung-kampung baru, di pekan-pekan kecil yang jauh daripada stesen bomba.

Saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada pihak Kerajaan yang telah menyahut seruan saya supaya ianya diformalise dan diinstitutionaliskan.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu, di dalam hujah saya untuk memberi sebab mengapa Kerajaan menginstitutionaliskan bomba sukarela ini, saya mengemukakan sebab yang pertama; kita patut menjadikan bomba sukarela ini bukan sahaja sebagai satu alat untuk mengatasi kecemasan kebakaran, ataupun lain-lain kecemasan, tetapi yang pentingnya, ianya menjadi satu alat pembangunan negara, iaitu alat yang mana kita boleh menyatupadukan kaum-kaum khususnya di kawasan bandar kecil dan pekan kecil di kawasan-kawasan yang jauh daripada bandar.

Apa yang saya maksudkan di sini ialah, setakat ini bomba-bomba sukarela ini hanya dianggotai oleh kaum Cina. Boleh dikatakan semua bomba sukarela yang ada di negara ini dianggotai oleh kaum Cina disebabkan oleh kehendak setempat, iaitu orang-orang Cina yang tinggal di dalam kampung-kampung baru jauh daripada bandar, yang mana rumah-rumah mereka adalah berasak.

Maka keperluan Bomba Sukarela adalah tinggi. Tetapi sekarang, Tuan Speaker, kebanyakan kampung-kampung baru ini telah pun didekatkan ataupun telah diasimilasikan dengan penempatan biasa, dengan kampung-kampung tradisional iaitu kampung-kampung baru yang dulunya terpencil menjadi satu bahagian daripada rangkaian kependudukan negara.

Jadi, di sini saya harap dengan adanya usaha menginstitutionaliskan Bomba Sukarela ini, pihak

Kementerian sepatutnya mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan kaum-kaum lain, kaum Melayu, kaum India supaya menjadi ahli-ahli bomba sukarela ini yang dengan secara terperinci direncanakan oleh pihak Kerajaan berasaskan prinsip-prinsip social engineering dan nation building.

Yang kedua, Tuan Speaker, berhubung dengan hakikat ini, maka apabila Kerajaan menginstitutionaliskan Bomba Sukarela ini perlu diberi segala bantuan dan peruntukan. Setakat ini, Tuan Speaker, Bomba-bomba Sukarela ini hanya mendapat bantuan daripada peruntukan wakil rakyat. Di kawasan saya ada satu Bomba Sukarela yang boleh dikatakan peruntukan sayalah yang membantu mereka untuk membaiki enjin, membeli uniform, membeli "macintosh boots" dan juga topi.

Pada pendapat saya, alat-alat yang diberi ini tidak mencukupi untuk mengatasi masalah kebakaran yang besar kerana Bomba Sukarela pada masa ini bukan sahaja menumpukan tugas mereka terhadap kebakaran rumah. Dengan adanya pembangunan luar bandar yang mana kawasan-kawasan pertanian luar bandar dibangunkan dengan penanaman getah, penanaman tebu dan lain-lain penanaman ekonomik, secara besar-besaran, secara skala yang tinggi, yang besar, maka kemungkinan kebakaran besar berlaku di sini dan orang yang pertama sekali yang boleh sampai untuk mengatasi masalah ini ialah Bomba Sukarela kerana bomba yang besar adalah ditempatkan di pekan-pekan besar yang selalunya terletak 20 batu daripada tempat kejadian.

Jadi, di sini saya harap pihak Menteri yang telah membentangkan Rang Undang-undang (Pindaan) ini

akan mengambil nota supaya dapat kita memperbaiki dan memperbesarkan lagi dan meningkatkan keupayaan Bomba-bomba Sukarela yang telah wujud, yang telah berkhidmat, yang telah berjasa kepada masyarakat.

Yang ketiga, Tuan Speaker, ialah mengenai latihan. Profesion kebomba-an adalah satu profesion yang cukup teknikal dan kejadian kebakaran yang berlaku sekarang bukanlah kebakaran seperti yang berlaku 20 tahun dulu. Kalau 20 tahun dulu kebakaran hanya melibatkan terbakar-nya rumah atap ataupun rumah kayu tetapi pada masa ini banyak kebakaran yang melibatkan kebakaran bahan-bahan yang mengeluarkan gas toksid. Kerana walaupun rumah kecil ataupun rumah sederhana di kampung baru, ianya dilengkapi dengan alat-alat perabot yang dibuat daripada bahan-bahan hidrokarbon yang boleh mengeluarkan gas toksid. Jadi kita tidak mahulah ahli-ahli bomba yang menganggotai Bomba Sukarela ini yang tidak terlatih menjadi mangsa kepada gas toksid yang dikeluarkan oleh bahan-bahan moden yang digunakan oleh semua penduduk di negara ini.

Jadi, saya harap pihak Kementerian akan mengambil berat tentang latihan bagaimana hendak mengatasi masalah gas-gas beracun yang saya kata tadi dan juga lain-lain masalah yang berkaitan dengan kehidupan moden.

Perkara kedua yang saya ingin bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai dengan Fasal (5) iaitu Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 35, seksyen baru 35A dan 35B yang memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk menutup mana-mana premis yang dikira digunakan dengan secara membahayakan kawasan itu dan orang ramai.

Tuan Speaker, setakat ini walaupun banyak dipercakapkan dalam akhbar, di Dewan yang mulia ini mengenai dengan penyalahgunaan premis di kawasan-kawasan bandar dan di kawasan-kawasan luar bandar, masih belum ada enforcement ataupun masih belum ada penukaran daripada keadaan yang saya katakan tadi. Misalannya, premis residential atau premis perumahan digunakan untuk perniagaan, untuk menjadi stock, tempat menyimpan barang-barang dan malah digunakan untuk perindustrian kecil. Ini adalah sangat bahaya, Tuan Speaker, kerana kalau kita lihat barang-barang dan proses-proses perindustrian dan perniagaan ini akan mendatangkan bahaya dari segi ianya terdedah kepada kebakaran dan juga terdedah kepada lain-lain bahaya.

Saya menyokong penuh kuasa yang diberi kepada Ketua Pengarah Bomba untuk mengambil tindakan dan menutup premis itu dan sepertimana kata Yang Berhormat Menteri petang semalam bahawa walaupun kuasa ini diberi kepada Ketua Pengarah Bomba, tuan-tuan punya premis yang berkenaan boleh merayu di mahkamah. Jadi, walaupun kuasa diberi kepada birokrasi di sini, satu "check and balance" masih lagi ada iaitu hak rayuan masih lagi diberi kepada orang-orang yang tertentu, yang terlibat, supaya ianya dapat membawa ke mahkamah untuk diadili tindakan Ketua Pengarah ini. Inilah dua perkara di dalam pindaan Rang Undang-undang ini yang hendak saya percakapkan dan saya berharap dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini pihak Kementerian dan pihak Bomba akan menambahkan mutu perkhidmatan untuk negara dan untuk penduduk-penduduk negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh.

3.58 ptg.

Tuan Lau Dak Kee (Ipoh): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan suatu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 1993.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya baca Akta (Pindaan) ini, saya dapati di dalam seksyen 35A yang berbunyi:

“35A. (1) Walau apapun peruntukan-peruntukan Akta ini, jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa:

- (a) apa-apa kegiatan yang berterusan dalam mana-mana premis akan menimbulkan bahaya kebakaran serta-merta yang memudaratkan keselamatan nyawa atau harta; dan
- (b) kelewatan dalam memohon dan mendapatkan suatu perintah larangan di bawah seksyen 35(2) akan dengan nyata meningkatkan risiko pada nyawa atau harta itu,

dia boleh, melalui perintah, mengarahkan pemunya atau penghuni premis itu supaya menghentikan kegiatan itu.”

Tuan Speaker, di sini tidak begitu terang. Saya hendak minta penjelasan daripada Menteri berkenaan. Ini disebut dalam 35A (1) (a) “. . . . dalam mana-mana premis. . . .”

“Dalam mana-mana premis” pada pendapat kita yang akan memudaratkan keselamatan ataupun mudah untuk menimbulkan kebakaran.

Saya ingin tahu maksud “mana-mana premis”, itu mungkinkah termasuk pusat membeli-belah atau pusat pameran, perhentian baskah ataupun mana-mana tempat yang besar di mana orang ramai akan berkumpul di situ yang mungkin boleh mengakibatkan kebakaran itu berlaku. Tetapi di sini, saya nampak di “mana-mana premis”, adakah ini bermakna mungkin kedai-kedai yang menjual barang-barang ataupun barang-barang runcit, apabila sampai hari dapat gaji, beli barang di sana, mungkin sesak juga.

(Timbalan Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Adakah premis-premis seperti kedai-kedai kecil, kedai-kedai runcit ataupun gerai-gerai di mana ramai orang berkumpul di situ. Mungkin pada bulan puasa, orang akan berkumpul di situ untuk mendapat makanan. Adakah tempat-tempat ini juga adakah dianggap seperti premis yang akan memudaratkan keselamatan nyawa atau harta? Kalau kedai-kedai kecil, kedai-kedai runcit atau gerai-gerai itu dimasukkan dalam senarai itu, maka mereka mungkin tidak mampu untuk melengkapkan segala alat-alat bomba untuk menjaga keselamatan dan harta-benda mereka. Dan saya minta satu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan.

Di sini juga dikatakan menimbulkan bahaya kebakaran serta-merta. Apa artinya “serta-merta”? “Serta-merta” dalam anggapan kita ialah dalam sekelip mata sahaja. Bagaimana mungkin premis ini menyebabkan kebakaran dengan serta-merta? Adakah tempat yang disebutkan ini sebagai tempat meletak bahan-bahan mudah meletup, mudah terbakar? Saya ingin minta satu penjelasan.

Pada anggapan saya, “mana-mana premis akan menimbulkan bahaya kebakaran serta-merta”, mungkin ini disentuh sebagai tempat-tempat meletak gas atau gas masakan ataupun bahan-bahan kimia yang mudah terbakar atau meletup. Kalau begitu, apakah garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian untuk menentukan sama ada satu premis atau satu-satu tempat akan menimbulkan bahaya kebakaran dengan serta-merta itu, seperti stesen-stesen minyak, stesen-stesen gas atau kedai-kedai yang menjual gas memasak. Adakah satu garis panduan dibuat di mana di sebelah kiri-kanan, depan-belakang mesti ada satu ruang yang secukupnya di mana jikalau sesuatu kebakaran berlaku di situ, ia tidak akan memudaratkan orang-orang yang berhampiran atau harta benda tidak akan terlibat?

Yang lebih terang lagi, saya ingin tahu sama ada sesuatu stesen yang akan dibina mesti melalui satu peraturan yang akan dicadangkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di mana mungkin satu pelan reka bentuk dan tapak letaknya akan diberi kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba untuk mendapatkan pandangan dan kelulusan daripada mereka. Jikalau kelulusan itu tidak diperolehi stesen itu tidak boleh dibina. Saya ingin tahu jaraknya berapa jauh? Kalau stesen itu akan dibina di sesuatu tempat, berapa jarak jauhnya mesti diadakan dan depan-belakang berapa jauh mesti dikosongkan? Saya dapati ada banyak stesen-stesen minyak yang mudah meletup, mudah terbakar. Ini senang dan selalu memudaratkan nyawa atau harta-benda.

Di banyak taman perumahan, kawasan perniagaan, bandar-bandar besar atau kecilnya, dalam kawasan itu

sebelah stesen sahaja. Mungkin tidak sampai 20 atau 30 kaki, ada kedai, ada rumah dan ada lain benda di sana. Tetapi pihak kuasa, khasnya pihak Jabatan Perkhidmatan Bomba telah memberi kelulusan yang membenarkan mereka mendirikan sebuah stesen di situ dan ini akan memudaratkan bukan hanya nyawa tetapi juga harta-benda. Tetapi adakah Kerajaan akan mengambil langkah yang lebih terperinci, lebih tepat di mana ruangan-ruangan (tolerance space) mesti ada. Kalau tidak, banyak stesen-stesen yang letak di tempat-tempat yang sekarang ada di situ mungkin satu hari nanti menyebabkan satu kebakaran ataupun satu letupan yang besar yang akan melibatkan kehilangan beberapa nyawa dan harta-benda.

Maka saya minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menimbangkan perkara ini dengan lebih terperinci dan mensyaratkan stesen-stesen minyak dan gas diletak di satu tempat yang lebih selamat. Dan saya ingin tahu juga apa langkah-langkah tambahan akan diambil oleh Kementerian untuk memaksa stesen-stesen minyak atau stesen-stesen gas ini untuk melengkapkan lebih rapi lagi dengan alat-alat pemadam api supaya jika sesuatu kebakaran itu timbul, senang dapat dipadamkan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya dapati bahawa dalam seksyen 35B (2), ada tersebut:

“Sesuatu rayuan terhadap perintah supaya menghentikan kegiatan tidaklah berkuatkuasa sebagai suatu penggantungan pelaksanaan, tetapi mahkamah boleh, atas permohonan dan apabila diberi sebab yang mencukupi, membenarkan penggantungan pelaksanaan atas apa-apa terma yang difikirkannya patut.”

Saya ingin dapat penjelasan tentang seksyen ini iaitu kalau satu-satu penggantungan yang dikeluarkan di sini juga, perintah-perintah yang akan dikeluarkan melalui Borang G, siapa yang menandatangani? Siapa yang mengeluarkan perintah itu?

Di sini saya anggap Ketua Pengarah akan mengeluarkan perintah itu melalui Borang G, adakah benar? Kalau benar, maka saya hendak dapat tahu bahawa Ketua Pengarah hendaklah berpuas hati di dalam mengeluarkan sesuatu perintah. Apakah maknanya 'berpuas hati'? apakah keadaannya, apakah alasan-alasan yang patut ia timbang ataupun amaran-amaran telah dikeluarkan?

Amaran yang pertama dikeluarkan kepada sesuatu premis untuk melengkapkan atau membetulkan keadaan ini. Amaran pertama dikeluarkan, mereka tidak mematuhi, amaran kedua dikeluarkan tidak dipatuhi juga dan amaran yang ketiga atau amaran yang akhir dikeluarkan, mereka tidak mematuhi juga. Maka perintah itu akan dikeluarkan. Adakah mengikut langkah-langkah begitu? Atau daripada satu pengaduan yang menyatakan satu-satu tempat atau satu-satu premis yang membahayakan, mungkin Ketua Pengarah itu menghantar kakitangannya atau pegawai bawahannya untuk membuat satu kajisiasat dan pegawainya akan melaporkan kepadanya bahawa tempat itu tidak selamat. Maka, Ketua Pengarah itu akan mengeluarkan perintah, itu yang saya hendak tahu. Apakah langkah-langkah yang patut diambil sebelum perintah itu dikeluarkan? Ini, saya memang faham bahawa Ketua Pengarah tidak akan menggunakan kuasa yang terletak di tangannya dengan sewenang-wenangnya atau salahgunakan

kuasanya, saya tidak percaya. Tetapi langkah-langkah mesti ada, supaya perintah itu dapat dikeluarkan.

Di sini juga dikatakan, sesuatu penggantungan boleh dikeluarkan kalau diberi rayuan di mahkamah dan mahkamah dapat sesuatu alasan yang mencukupi. Maka, penggantungan itu boleh atau tidak dibatalkan atau digantungkan?

Di sini, saya nampak sesuatu penggantungan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah, penggantungan itu akan berterusan, melainkan penghuni-penghuni itu atau pemohon-pemohon itu mendapatkan perintah daripada mahkamah ataupun selain daripada perintah mahkamah.

Di sini, disebut 'apabila diberi sebab yang mencukupi', apa maknanya? Adakah mereka boleh mendapat satu perintah mahkamah seperti injunksi (injunction) mahkamah? Kalau dapat injunksi mahkamah, saya rasa sebab-sebab yang mencukupi itu tidak wujud lagi. Ketua Pengarah patut mengikut arahan daripada mahkamah, tetapi di sini adakah ini bermakna daripada anggapan ataupun perhatian Ketua Pengarah, kalau dia berpuas hati bahawa sesuatu rayuan itu ada sebab yang mencukupi, maka penggantungan itu boleh digantung sementara. Itu saya hendak mendapat satu penjelasan daripada Kementerian ini.

Dalam seksyen 35B(2) yang mengatakan:

"35B(2). Sesuatu rayuan terhadap perintah supaya menghentikan kegiatan tidaklah berkuatkuasa sebagai suatu penggantungan pelaksanaan,"

Maka dia boleh menjalankan satu perintah penggantungan dan tidak ada sesiapa yang boleh memberhentikan.

Kalau keadaan begitu, perayu atau pemohon ke mahkamah itu dapat kebenaran atau perintah daripada mahkamah, maka penggantungan itu adalah salah. Jika tidak menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan, maka Ketua Pengarah kalah dalam mahkamah. Kalau keadaan jadi sedemikian, adakah pihak Bomba akan membayar ganti rugi apabila pihak berkuasa menjalankan penggantungan itu yang menyebabkan kerugian kepada perniagaan atau urusan perniagaan. Adakah mereka akan membayar ganti rugi atau pampasan? Tetapi di dalam Akta ini tidak disebut. Walaupun penggantungan itu betul atau salah, mereka tidak boleh minta pampasan ataupun ganti rugi. Adakah ini seimbang di sisi undang-undang? Sesuatu tindakan yang diambil, risikonya mesti ada. Kalau tindakan itu betul, maka ia boleh diteruskan. Kalau tindakan itu tidak mengikut di sisi undang-undang atau tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan, maka dia akan menghadapi risiko untuk membayar pampasan. Saya hendak tahu, sebab undang-undang di negara ini memang adil dan benar.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan patut mengambil perhatian yang serius berkenaan dengan gaji bagi ahli-ahli Bomba. Mungkin pegawai-pegawai Bomba itu mendapat gaji yang sepatutnya, tetapi kakitangan-kakitangan ataupun ahli-ahli Bomba di bawah SSB ini mendapat gaji yang tidak mencukupi. Adakah Kerajaan atau pihak Bomba telah menjalankan satu kajian, sama ada kakitangan-kakitangan bawahan itu akan ditimbang semula supaya gaji dan elaun mereka dapat ditingkatkan dengan sewajarnya, sekurang-kurangnya dapat dibandingkan dengan Pasukan Tentera dan Pasukan Polis. Sebab ahli-ahli

Bomba pun apabila menjalankan tugas mereka, mereka juga menghadapi risiko yang besar, risiko yang membahayakan, bukan sahaja nyawa, tetapi mereka akan menghadapi banyak risiko-risiko yang tidak dapat disentuhkan di sini. Jadi, saya harap Kementerian yang berkenaan patutlah menjalankan satu kajian terhadap saraan mereka.

Di sini juga saya mendapat tahu bahawa Ketua Pengarah, Dato' Haji Badaruddin Haji Md. Isa yang menyatakan pada bulan Ogos tahun ini, "Di beberapa negeri yang lain kenderaan Bomba dijangka sampai ke tempat kebakarannya dalam masa 1 hingga 5 minit". Saya bersetuju, Ketua Pengarah memang tahu apa keadaannya sekarang dan dia tahu apa kerja yang patut dilakukan.

Di sini, kita rasa adillah, lebih baik kalau kenderaan Bomba boleh sampai ke tempat kebakaran itu dalam masa 1 hingga 5 minit. Tetapi dalam keadaan sekarang ini, boleh atau tidak kalau sesuatu kebakaran berlaku di Kuala Lumpur atau di bandar-bandar besar di Malaysia ini, saya fikir mungkin dalam masa 5 minit tidak boleh sampai kerana keadaan lalu lintasnya sesak.

Dua hari yang lalu, selepas persidangan Parlimen, apabila saya pergi mengambil sarapan malam di Jalan Beach, saya dapati satu kebakaran telah berlaku. Kereta bomba tersekat di tengah-tengah jalan tidak boleh jalan kerana lalu lintas sangat-sangat sesak, tambah lagi pada hari itu hujan lebat. Maka macam mana kenderaan bomba boleh sampai ke tempat itu dalam jangkaan 1 hingga 5 minit.

Walaupun Jabatan Bomba mempunyai alat-alat yang begitu canggih, alat-alat yang begitu moden,

pasukan-pasukan yang begitu bersemangat tinggi tetapi lalu lintas itu sesak, apa yang mereka boleh buat? Apakah langkah-langkah yang dapat diambil oleh Jabatan Bomba supaya keadaan lalu lintas ini dapat diatasi? Mungkin Menteri yang berkenaan sudah ada satu plan, satu jadual atau satu anggapan bahawa perkara ini mungkin dapat diatasi. Kalau begitu saya minta dia memberi penjelasan di Dewan ini supaya kita tahu macam manakah kecekapan, kebijaksanaan daripada Jabatan Bomba.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Ketua Pengarah Bomba yang mengatakan bahawa mengikut peruntukan Akta Perkhidmatan Bomba 1988, bangunan seperti asrama, tempat awam yang menyediakan kemudahan penginapan dan hospital termasuk swasta tidak termasuk dalam senarai bangunan yang dikategorikan untuk sijil.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, yang saya dengar tadi, “asmara” atau “asrama”?

Tuan Lau Dak Kee: “Asrama”lah! (Ketawa)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kali ini betul, nampaknya.

Tuan Lau Dak Kee: Larut ini betul karut. Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak tahu, dalam Akta (Pindaan) ini, saya tidak nampak ada sebab-sebab yang menyatakan bahawa hospital atau hospital swasta termasuk dalam senarai yang perlu mendapatkan Sijil Kebakaran. Mengapa Akta ini tidak ada menyebut supaya bangunan-bangunan seperti hospital atau hospital swasta ataupun tempat-tempat awam yang tidak termasuk di dalam senarai

untuk mendapatkan Sijil Kebakaran itu dimasukkan? Mengapa tidak? Sebab ini satu cadangan daripada Ketua Pengarah Bomba? Adakah akta-akta ini, sebelum ianya dibentangkan di Dewan ini tidak diberi kepada Ketua Pengarah Bomba atau hanya Menteri sendiri meneliti akta-akta ini tanpa mendapatkan pandangan dan pendapat daripada Ketua Pengarah? Adakah menteri yang lebih fasih ataupun pandai dalam perkara-perkara seperti perkhidmatan bomba ini? Saya minta jawapan daripada Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga bersetuju bahawa Ketua Pengarah Bomba telah menyatakan banyak tempat-tempat yang besar yang orang ramai selalu berkumpul seperti kilang-kilang, hotel, hospital, wisma, bangunan yang besar, sekolah atau tempat-tempat dikunjungi oleh orang ramai akan mengadakan perkhidmatan bomba sendiri. Dalam akta-akta ini saya tidak nampak ada apa-apa seksyen bahawa tempat-tempat awam seperti yang telah saya nyatakan itu dikenakan syarat untuk mengadakan pasukan bomba sendiri. Mengapa kelonggaran ini tidak disumbat supaya kilang-kilang yang berkemampuan akan menubuhkan pasukan mereka supaya kebakaran ataupun bencana tidak timbul dan mungkin timbul, tetapi dapat diatasi dengan serta merta. Kalau hendak menunggu kenderaan bomba sampai dalam waktu 1-5 minit mungkin mereka akan kecewa, harta benda dan mungkin nyawa akan terkorban

Oleh kerana itu, saya minta Kerajaan supaya dapat menimbang dengan lebih serius dengan memaksa ataupun dengan mengadakan satu peraturan atau undang-undang di mana kilang-kilang besar—tafsiran kilang-kilang besar ini akan ditentukan oleh

Kementerian. Sama ada ianya besar ataupun kecil, macam mana ia boleh dianggap besar, macam mana ia tidak masuk dalam golongan besar—mungkin akan dapat ditentukan oleh Kementerian supaya mereka dapat menubuhkan pasukan bomba sendiri.

Yang akhirnya, saya suka memetik sedikit kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Bomba untuk menubuhkan pasukan khas di setiap tempat bomba ataupun tempat seperti Kuala Lumpur, Ipoh, bandar-bandar yang besar ataupun tempat-tempat strategik ataupun tempat-tempat perkilangan, perindustrian supaya mengadakan satu pasukan bomba khas untuk menghadapi keadaan tergepar (emergency) yang disuggested oleh Ketua Pengarah Bomba supaya apa-apa kebakaran yang berlaku dapat diatasi oleh pasukan khas ini. Saya katakan, mungkin bukan semua ahli-ahli bomba mendapat latihan khas untuk memadam kebakaran, seperti kebakaran kilang kimia ataupun kapal laut ataupun bencana kapal terbang.

Mungkin mereka tidak begitu pandai ataupun fasih dalam melawan kebakaran daripada apa-apa yang sebegitu, sebab pembangunan kemajuan sosio ekonomi yang begitu besar dan pesat. Dan saya harap keadaan ini dapat ditimbang dengan teliti oleh Kerajaan supaya bukan hanya kita semua dapat hidup dalam keadaan yang lebih selamat di atas kecekapan Pasukan Bomba, di atas perkhidmatan daripada pihak Bomba tetapi juga akan meningkatkan imej negara kita di mana kita boleh bangga perkhidmatan Bomba, Pasukan Bomba ini betul-betul berkesan dan cekap dan juga mengikut amanah rakyat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Alor Setar.

4.32 ptg.

Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Sebenarnya saya tidak akan mengambil masa yang begitu panjang dan saya akan menyentuh hanya dua perkara sahaja.

Yang pertama, cadangan-cadangan untuk memindah dan menambah beberapa Bahagian dan Seksyen kepada Akta Ibu iaitu Akta Perkhidmatan Bomba 1988 adalah tepat dan kena pada masanya. Ini adalah salah satu langkah yang amat positif memandangkan perkhidmatan Bomba telah banyak berubah dan peranan-peranan anggota Bomba akan bertambah kompleks bagi memenuhi keperluan yang senantiasa begitu demanding, dengan izin. Dalam masyarakat moden ini kita bukan hanya mencegah kebakaran conventional, dengan izin, tetapi kebakaran-kebakaran yang telah berubah jenisnya seperti yang mana kita menghadapi kebakaran chemical, kebakaran yang mana sisa-sisa toksid terlepas hingga menjejaskan alam sekitar di sesuatu tempat kebakaran. Dan anggota-anggota Bomba pada hari ini terpaksa senantisasa bersedia untuk berkhidmat dalam satu masyarakat untuk mengawal semua keadaan jika kebakaran berlaku di mana-mana pun.

Pada pendapat saya, dalam negara kita Akta Perkhidmatan Bomba ini haruslah dikemaskini dan dianggap terperinci dari semasa ke semasa supaya ia dapat diapply, dengan izin, dalam semua keadaan dan aspek. Seperti kita semua maklum, kemajuan dalam negara kita sedang menuju ke arah perindustrian dan rakyat jelata

telah pun menerima cabaran supaya Visi 2020 tercapai dalam masa yang singkat sekali.

Maka oleh yang demikian, masyarakat yang sedang berubah dan pembangunan seluruh negara khususnya di bandar-bandar besar begitu pesat sekali juga disaksikan oleh kita pada masa sekarang. Dan oleh yang demikian, sesuatu Akta Perkhidmatan Bomba haruslah berkomprensif dan juga dapat mengawal semua aspek dan peristiwa-peristiwa yang dianggap sebagai contingency, dengan izin.

Sekarang ini kita mula mendengar bangunan berkonsep 'intelligent building'. Walaupun bangunan 'intelligent building' ini telah dikenali di negara barat sudah lama, tetapi boleh dikatakan di Asia Tenggara juga kita mula mendengar dan dalam bandar-bandar ibu kota besar, intelligent building adalah building yang direcommendkan dibina supaya jika sebuah bangunan yang berpuluh-puluh tingkat hendak dibina di bandar-raya besar, iaitu bangunan-bangunan yang mempunyai ciri-ciri keselamatan dalam sebuah bangunan intelligent building. Walaupun kita mempunyai bangunan intelligent building di dalam negara kita, ini bukan bermaksud bahawa anggota-anggota Bomba kita tidak lagi mempunyai tanggungjawab yang begitu berat. Sebab dalam sebuah intelligent building bangunan itu mempunyai sistem-sistem mechanical, elektrik, pencegahan kebakaran, keselamatan bangunan dan siaraya yang dikawal oleh komputer. Dan jika terdapat sebarang kejadian yang tidak diingini, maka komputer itu akan memberi amaran terlebih dahulu.

Walaupun kita mempunyai bangunan-bangunan yang moden, yang mempunyai ciri-ciri keselamatan ini, ini

tidak semesti bermaksud anggota Bomba kita tidak mempunyai tanggungjawab yang berat. Sebaliknya jika kebakaran akan terjadi di sebuah intelligent building, walaupun building itu mempunyai ciri-ciri keselamatan moden, tetapi saya percaya kebakaran itu akan timbul dalam satu jenis yang lain dan bukan conventional, dengan izin.

Oleh yang demikian, pakar ataupun anggota-anggota Bomba kita haruslah bersedia dalam setiap masa untuk mencegah apa jua jenis kebakaran yang akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya juga difahamkan dalam Rang Undang-undang ini mempunyai satu peruntukan untuk memberi kuasa kepada Menteri membuat peraturan-peraturan bagi mengawalselia penubuhan Pasukan Bomba Sukarela. Ini memang adalah baik, tetapi saya juga berharap dalam masa yang sama Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat memberi perhatian kepada Pasukan-pasukan Bomba Sukarela yang telah wujud selama ini di seluruh negara kita. Sepertimana kita telah dengar beberapa Ahli Yang Berhormat telah berucap, Bomba Sukarela ini telah wujud dan misalnya dalam Negeri Kedah Darulaman pada hari ini terdapat 27 Pasukan Bomba Sukarela, manakala Bomba Kerajaan hanya mempunyai 7 stesyen di seluruh negeri. Kita telah pun mempunyai pengalaman yang mana beberapa kali kebakaran telah berlaku dan, dengan izin, more often than not, Pasukan Bomba Sukarela sampai atau pun tiba ke tempat kebakaran dahulu. Memang ini bukan bermaksud Bomba Kerajaan tidak cekap, tetapi kita pun faham, dalam sesebuah negeri hanya ada 7 buah stesen dan ketujuh-tujuh buah

stesen bomba Kerajaan ini hanya ditempatkan di beberapa tempat khususnya di bandar-bandar besar. Di Kampung-kampung Baru dan di bandar-bandar yang lebih kecil, di mana tidak mempunyai Bomba Kerajaan, mujurlah kita mempunyai Pasukan Bomba Sukarela. Untuk maklumat Menteri, anggota-anggota Pasukan Sukarela ini memang mempunyai semangat untuk membantu bagi menolong mencegah kebakaran dengan prestasi yang begitu tinggi tetapi anggota Pasukan Sukarela tidak diberikan sebarang elaun oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, pasukan-pasukan Bomba Sukarela ini tetap memberi bantuan dan tetap menolong Bomba Kerajaan apabila ataupun setiap masa kebakaran berlaku, walau di mana-mana pun.

Oleh yang demikian, saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberi perhatian supaya Pasukan Bomba Sukarela, sama ada di negeri lain atau di Negeri Kedah, diberikan sedikit sebanyak oleh pihak Kerajaan supaya mereka dapat meneruskan perkhidmatan mereka dengan percuma.

Dalam perkara ini, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah jenis peruntukan sekarang ini yang dapat disalurkan kepada Pasukan Bomba Sukarela, dan pada tiap-tiap tahun berapa jumlah peruntukan telah pun diberikan bagi maksud untuk membantu Pasukan Bomba Sukarela di seluruh negara. Kerana saya difahamkan bahawa Pasukan Bomba Sukarela masih mempunyai alat-alat yang begitu lama dan, fire-brigade pun, dengan izin, adalah 'second-hand' dan dibeli daripada negara lain. Jadi, macam mana mereka akan berkhidmat jika

semua peralatan yang digunakan adalah 'second-hand' yang mana kemungkinannya sudah berkarat.

Walaupun saya sebagai Ahli Parlimen Alor Setar, telah dan senantiasia pada tiap-tiap tahun memberi sedikit peruntukan supaya Pasukan Bomba Sukarela dapat membeli alat-alat yang begitu mahal, tetapi sebagai seorang Ahli Parlimen Alor Setar, berapa banyakkah dapat saya menolong? Maka ini saya serahkan kepada pihak Kerajaan supaya mereka dapat diberi perhatian dan segera memberi peruntukan yang lebih banyak kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberitahu Dewan yang mulia ini, di seluruh negara kita terdapat berapakah Pasukan Bomba Sukarela? Dan apakah fungsi Pasukan Bomba Sukarela selain daripada memainkan peranan, secondary, dengan izin, atau peranan untuk membantu Pasukan Bomba Kerajaan dan sama ada Kerajaan bercadang untuk menginstitutionalise segala Pasukan Bomba Sukarela supaya Pasukan Bomba Sukarela dapat diwujudkan dengan teratur dan di bawah suatu undang-undang. Kalau bukan di bawah undang-undang Perkhidmatan Bomba, mungkin boleh diletakkan di bawah suatu undang-undang yang lain, yang mana peranan Pasukan Bomba Sukarela ini dipandang lebih berat atau peranan mereka dipertingkatkan lagi. Maka dengan itu, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Santubong. Selepas itu Yang Berhormat Menteri diminta menjawab.

4.45 ptg.

Puan Rohani binti Abd. Karim (Santubong): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut membahaskan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba, 1988, di mana Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memperketatkan beberapa peruntukan-peruntukan sebelum itu.

Saya sangat bersetuju dengan rakan saya Yang Berhormat dari Alor Setar di mana sekarang ini Pasukan Bomba kita juga terpaksa beredar mengikut peredaran zaman yang begitu mencabar dan canggih buat masa ini. Tahniah diucapkan kepada Kementerian kerana dengan beberapa pindaan atau kemas dalam Akta ini akan, terutama sekali kepada seksyen 35A dan 35B, menghapuskan beberapa red tape sebelumnya iaitu di mana Ketua Pengarah sekarang ini boleh mengambil tindakan segera untuk menghentikan aktiviti-aktiviti di sesuatu premis dalam keadaan yang mendesak.

Memanglah diakui tugas Pasukan Bomba adalah lebih meluas dan kompleks, bukan sahaja dari segi kebakaran, tetapi banyak melibatkan di dalam keadaan-keadaan yang mendesak seperti beberapa 'emergencies' yang berlaku. Jadi, pindaan yang dialu-alukan ialah terhadap proses pengawalseliaan oleh Jabatan Bomba terhadap Pasukan Bomba Sukarela.

Saya ingin mengambil kesempatan, khususnya untuk menyentuh seksyen 62. Memanglah berpatutan dan munasabah langkah ini diambil oleh kerana bidang tugas dan aktiviti-aktiviti Pasukan Bomba Sukarela adalah begitu khusus.

Saya juga tidak setuju jika Pasukan Bomba Sukarela ini diklasifikasikan sebagai sebuah kelab. Saya berpendapat bahawa Pasukan Bomba Sukarela adalah sebuah pasukan yang 'complementary' dan 'supplementary' kepada Perkhidmatan Bomba. Bukan sahaja memastikan alat-alat tidak disalahgunakan, tetapi memastikan bahwa alat-alat adalah sentiasa di dalam keadaan yang memuaskan. Alat-alat yang saya maksudkan ialah alat-alat mencegah kebakaran.

Jadi, Pasukan ini harus juga dibayar 'honorarium' oleh pihak Jabatan Bomba dan penubuhannya harus dibiayai oleh Jabatan Bomba, sekurang-kurangnya bagi peralatan-peralatan yang asas serta kemudahan-kemudahan seperti kereta bomba atau rumah tempat bertugas Pasukan Bomba Sukarela adalah sangat penting dan harus digalakkan penubuhannya. Penubuhan Pasukan Bomba Sukarela adalah digalakkan, terutama sekali di tempat-tempat yang kurang tenaga Jabatan Bomba, terutama sekali keadaan di luar-luar bandar. Saya tidak tahu di tempat-tempat lain, tetapi di sini saya ingin hendak menyentuh di kawasan saya, terutama sekali di Bandaraya Kuching. Di Bandaraya Kuching pun hanya sebuah Balai Bomba. Mungkin nanti di tahun akan datang akan ditambahkan satu lagi, tetapi keadaannya kini sangat mendesak dan tidak mencukupi.

Bagaimanapun keadaan Balai Bomba di luar bandar? Amatlah menyedihkan keadaannya. Jadi, Pasukan Bomba Sukarelah yang akan meng'supplement'kan keadaan-keadaan yang tidak mencukupi ini. Banyak kali berlaku kebakaran, dengan izin, sad to say, the last to arrive adalah Pasukan Bomba. Setibanya Pasukan Bomba, selalunya keadaan

yang berlaku adalah Pasukan Bomba ini hanya melihat sahaja kebakaran yang telah berlaku. Bukan memadam tetapi melihat, especially towards its final stages. Jadi, ini adalah pengalaman saya sendiri di mana saya telah sampai di satu kebakaran Klinik Desa Santubong di mana keadaan kita, dengan izin, adalah helpless dan Pasukan Bomba belum juga sampai. Walaupun ada Pasukan Bomba Sukarela di Hotel berdekatan yang sampai, tetapi alangkah malangnya bila Pasukan itu sampai alat-alat pencegah kebakaran mereka pula tidak dapat digunakan.

Jadi, ini yang saya katakan adalah penting bagi Jabatan Bomba untuk mengawalseliakan semua Pasukan Bomba Sukarela supaya memastikan bukan sahaja mereka diberikan latihan dan alat-alat yang mencukupi tetapi juga alat-alat itu boleh dipakai. Jadi, itu yang kita cakapkan tadi. Kadang-kadang kita memberikan mereka alat-alat yang telah dipakai atau second-hand, dengan izin, tetapi bila sampai masa betul-betul hendak menggunakan alat-alat itu, ianya tidak dapat dipakai.

Jadi, saya juga menyeru di sini supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan meneliti agar peruntukan diberi di bawah peruntukan Jabatan Bomba untuk menubuhkan Pasukan Bomba Sukarela dan bagaimana hendak memohon penubuhan beberapa Pasukan Bomba Sukarela. Ini mungkin harus ditetapkan dari segi syarat-syarat keahlian, penggunaan, pasukan, latihan dan sebagainya sebab saya sudah beberapa kali mencadangkan penubuhan dua buah Pasukan Bomba Sukarela dalam kawasan saya tetapi sehingga ke hari ini pun, saya belum lagi menerima apa-apa maklumbalas. Memanglah seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat

dari Alor Setar, kita sebagai Wakil Rakyat memang sedaya-upaya ingin membantu, tetapi kita pun ada had-hadnya sebab kawasan sebegitu besar dan saya rasa alat-alat yang diperlukan oleh Pasukan Bomba Sukarela bukannya calang-calang alat—mahal-mahal dan sofistikated.

Jadi, di sini saya menyeru kepada pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya selain daripada mengawalselia tetapi juga menguruskan Pasukan Bomba Sukarela ini berserta dengan kerjasama-kerjasama agensi-agensi yang lain.

Sebelum mengakhiri perbahasan saya, saya sarankan agar Kementerian membuat penelitian agar alat-alat kebakaran yang ada pada masa ini diupgradakan, dan alat-alat ini mestilah sejajar dengan keadaan moden sekarang ini dengan high-rise buildings, dengan bahan-bahan kimia, dengan latihan-laithan yang tertentu, dengan keadaan-keadaan emergency yang sering berlaku di dalam negara kita yang kian berkembang maju ini.

Jadi, dengan semua ini, saya harap Yang Berhormat dapat memberikan sedikit pandangan terutama sekali dengan Pasukan Bomba Sukarela supaya kita dapat mengimplementasikan idea ini ke kawasan masing-masing. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri diminta menjawab.

4.52 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr. Ting Chew Peh): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang

mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Saya juga merasa gembira kerana ramai Ahli Yang Berhormat mengakui serta menghargai usaha dan sumbangan anggota-anggota Bomba dalam mencegah dan memadam kebakaran. Elok saya mengambil kesempatan ini untuk menerangkan serba-sedikit beberapa perkhidmatan khas yang dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba di samping tugas mencegah dan melawan kebakaran. Perkhidmatan khas yang saya maksudkan termasuk:

- (i) menyelamatkan mangsa dalam kemalangan jalan raya;
- (ii) menyelamatkan mangsa dalam bangunan seperti terperangkap dalam lif, tersepit di jentera dan sebagainya;
- (iii) mencari ataupun menyelamatkan mangsa, misalnya dari lemas dalam air ataupun lemas dalam pembentungan;
- (iv) menangkap ular;
- (v) membantu menangkap orang-gila; dan lain-lain lagi.

Pendek kata, mengikut angka yang saya perolehi, dari bulan Januari sehingga Julai tahun ini, jumlah khidmat khas yang diberikan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba ialah kira-kira 8,700 kes dan banyak yang bercorak perikemanusiaan. Ini, saya rasa, satu sumbangan yang besar daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Bomba dan harus diberikan penghargaan

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah bahan-bahan berbahaya seperti petrokimia yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari

Padang Terap dan Bagan, ingin saya menyatakan di sini bahawa Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menubuhkan satu pasukan khas iaitu Pasukan HASMET iaitu pasukan yang mengendalikan bahan-bahan berbahaya dan seramai 12 pegawai telah dihantar berkursus di Fire Services College, United Kingdom. Jabatan Perkhidmatan Bomba telah juga mengenal pasti 5 kawasan untuk mendirikan Pasukan HASMET ini dan kelima-lima kawasan itu ialah Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Port Dickson, Johor Bahru dan Kerteh di Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kes-kes menyalahgunakan Nombor 994 seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Klang, Jabatan Perkhidmatan Bomba amat mengambil-berat tentang masalah menyalahgunakan Nombor 994 dan angka yang diperolehi oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun Jabatan Perkhidmatan Bomba berhubung dengan penyalahgunaan angka ini boleh dikatakan amat besar. Untuk bulan Mei tahun ini, panggilan yang menggunakan Nombor 994 bagi Jabatan ini dianggap sebagai panggilan yang disalahtujukan atau misrouted call, dengan izin, adalah sebanyak 146,000 panggilan. Untuk bulan Jun juga, lebih kurang 141,000 panggilan; untuk bulan Julai sebanyak 171,000 panggilan dan bagi bulan Ogos sebanyak 182,000 panggilan yang menggunakan laluan 994 dan jika perbuatan menyalahgunakan Nombor 994 itu berterusan, ada kemungkinan ia akan menjejaskan perjalanan tugas anggota-anggota Bomba. Saya ingin menyatakan di sini bahawa yang menggunakan Nombor 994 itu yang dianggap sebagai misrouted call itu bukan semuanya panggilan palsu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pili-pili Bomba yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bagan, ingin saya menyatakan di sini bahawa jumlah pili Bomba di seluruh negara yang ada sekarang ialah 107,785 buah. Daripada jumlah ini, cuma 6,817 buah pili Bomba dijadikan teman penghuni-penghuni di sesuatu kawasan yang tertentu dan paip bekalan air bagi pili Bomba biasanya kepunyaan Jabatan Bekalan Air. Pili Bomba biasanya dikendalikan bersama oleh Jabatan bomba dan Jabatan Bekalan Air. Pasukan Bomba biasanya memeriksa pili-pili Bomba dalam giliran 3 ataupun 4 bulan sekali tetapi di antara masa itu mungkin ada perkara-perkara yang menghalang pili-pili Bomba itu.

Oleh sebab itu, Jabatan Perkhidmatan Bomba mengharapkan penghuni-penghuni ataupun pemilik bangunan yang berdekatan dengan pili Bomba memberi kerjasama untuk menjaga dan memastikan pili-pili Bomba dalam keadaan yang baik dan melaporkan kepada Jabatan Bomba jika berlaku sesuatu halangan kepada pili-pili Bomba itu.

Berhubung dengan Pasukan Bomba Sukarela yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat iaitu dari Padang Terap, Bagan, Alor Setar dan Santubong, ingin saya memberitahu di sini bahawa pada masa ini terdapat sebanyak 185 Pasukan Bomba Sukarela di seluruh negara dan anggotanya ialah seramai 6,000 orang.

Bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada Pasukan Bomba Sukarela ialah dari segi pemberian pam-pam angkut dan latihan dari masa ke semasa. Tahun ini Kerajaan telah bersetuju untuk memberi peruntukan

sebanyak RM2 juta bagi membeli sebanyak 50 buah pam angkut bagi pasukan bomba sukarela.

Adalah benar bahawa sebahagian besar anggota-anggota Pasukan Bomba Sukarela itu terdiri daripada orang-orang Cina kerana banyak Pasukan Bomba Sukarela itu, terutama sekali di Semenanjung Malaysia ditubuhkan di kampung-kampung baru, tetapi keanggotaan sesuatu Pasukan Bomba Sukarela itu sebenarnya terbuka kepada semua kaum. Memang menjadi hasrat Kerajaan juga untuk menggalakkan penubuhan Bomba-bomba Sukarela di kawasan yang terpencil ataupun di kawasan yang jauh daripada Balai-balai Bomba.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pemeriksaan ke atas bangunan awam ataupun bangunan swasta ataupun ke atas alat-alat kebombaian seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Santubong dan Bagan. Memang pemeriksaan mengenai keselamatan kebakaran diadakan dari masa ke semasa oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba.

Bagi bangunan-bangunan yang memerlukan lesen, maka pemeriksaan ke atas bangunan itu diadakan setiap tahun untuk memastikan bangunan itu selamat untuk dikeluarkan lesen. Misalnya, hotel, pusat membeli belah, kolej, sekolah swasta dan sebagainya. Ini semua memerlukan lesen dan perlu mendapat perakuan daripada Jabatan Perkhidmatan Bomba.

Bagi bangunan yang lain, Jabatan Perkhidmatan Bomba juga membuat pemeriksaan keselamatan sebagai satu aktiviti yang biasa dari masa ke semasa. Bagi bangunan-bangunan Kerajaan, memang ada pemeriksaan juga dari masa ke semasa. Untuk mem-pertingkatkan lagi tahap keselamatan

bangunan-bangunan Kerajaan ini, maka baru-baru ini Kerajaan telah menubuhkan satu pasukan petugas khas dan pasukan petugas khas ini ialah untuk menjalankan pemeriksaan ke atas bangunan-bangunan Kerajaan serta mengemukakan cadangan untuk mempertingkatkan keselamatan.

Berhubung dengan bilangan anggota-anggota Bomba seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Klang, pada peringkat ini, bilangan anggota-anggota bomba di seluruh negara ialah lebih kurang 6,000 orang. Tentang alat-alat yang ada pada kita, bilangan jentera yang ada ialah sebanyak 368 unit dan Balai Bomba berjumlah 159.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Klang ialah berhubung dengan pendidikan awam mengenai kebakaran dan pencegahan kebakaran. Bagi Jabatan Perkhidmatan Bomba, pendidikan awam memang menjadi suatu program yang penting dan pendidikan awam ini diadakan dalam berbagai bentuk dan saluran, misalnya dalam bentuk ceramah, seminar, pameran, demonstrasi, fire drills dan sebagainya. Tujuan pendidikan awam ini ialah untuk meningkatkan kesedaran semua lapisan rakyat terhadap bahaya kebakaran, cara-cara untuk mencegah kebakaran dan juga cara-cara untuk menyelamatkan diri dalam keadaan kecemasan.

Ini sebagai satu contoh, saya berikan beberapa angka berhubung dengan ceramah ataupun kempen yang telah diadakan, iaitu mulai bulan Jun hingga Ogos tahun ini, ceramah dan seminar berhubung dengan kempen mencegah kebakaran ini, sebanyak 367 ceramah telah diadakan; sebanyak 103 fire drills

telah diadakan di seluruh negara; pameran sebanyak 40; dan demonstrasi sebanyak 120.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bagan dan Klang, iaitu aspek pembangunan Jabatan Perkhidmatan Bomba. Jabatan Perkhidmatan Bomba memang mengambil berat aspek pembangunan, iaitu pembinaan Balai-balai Bomba dan juga pembelian kereta bomba ataupun alat-alat kebombaannya yang lain.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak RM192 juta telah diperuntukkan untuk tujuan pembangunan Jabatan Perkhidmatan Bomba. Mengikut rancangan ini, sebanyak 64 buah Balai Bomba akan didirikan di seluruh negara dan daripada jumlah peruntukan itu, sebanyak RM45.5 juta akan digunakan untuk membeli alat-alat kebombaannya. Dengan peruntukan ini, Jabatan Perkhidmatan Bomba berharap kelengkapan kebombaannya di seluruh negara dapat dipertingkatkan secara berperingkat.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin merujuk kepada beberapa isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh. Sekali imbas, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh bercakap sebagai seorang pakar, dengan sikap yang begitu angkuh seolah-olah dia ini lebih pandai daripada Ketua Pengarah Bomba. Sesungguhnya apa yang diperkatakan itu banyak yang telah pun terkandung dalam Akta ibu, iaitu Akta Perkhidmatan Bomba 1988. Jadi, saya tidak mahu mengulangi apa yang ada di dalam Akta ibu itu.

Beberapa perkara yang disebutkan itu, misalnya tentang letaknya stesen gas dan stesen minyak, saya ingin

menyatakan di sini bahawa Pihak Berkuasa Tempatan tidak membuat sesuatu keputusan sewenang-wenangnya. Segala tindakan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan ialah berpandu kepada Akta-akta ataupun undang-undang yang sedia ada.

Dalam hubungan ini, ada 3 Akta yang dijadikan panduan Pihak Berkuasa Tempatan, iaitu Akta Perancang Bandar dan Desa 1976; Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974; Undang-undang Kecil Bangunan Seragam Tahun 1984; dan Akta Kerajaan Tempatan Tahun 1976. Jadi, segala tindakan yang diambil itu ialah berdasarkan kepada undang-undang yang sedia ada.

Tentang beberapa istilah yang dianggap oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh itu tidak jelas dan sebagainya, sebenarnya tafsiran telah pun diberikan dalam Akta ibu ini misalnya tentang apakah maksud "premis", apakah maksud "serta-merta" dan sebagainya.

Jadi saya rasa tidak perlu diperbahaskan istilah-istilah ini. Kalau ada apa-apa masalah nanti, perkara ini boleh dirujuk kepada pihak-pihak yang lebih pakar dalam hal ini, misalnya pihak Penasihat Undang-undang.

Gaji juga satu perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh. Saya rasa gembiralah kerana Ahli Yang Berhormat dari Ipoh begitu mengambil berat kebajikan ahli-ahli Bomba. Di bawah SSB sebenarnya anggota-anggota Bomba adalah setaraf dengan perkhidmatan lain. Jadi gaji anggota Bomba itu setaraf dengan perkhidmatan yang lain. Namun demikian Kerajaan sentiasa mengkaji skim gaji mereka dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja jawapan yang ingin saya berikan. Jadi akhir sekali, saya sekali lagi ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberi teguran, pandangan dan cadangan untuk mempertingkatkan lagi prestasi Jabatan Perkhidmatan Bomba. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (PINDAAN) 1993

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.16 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

suatu untuk meminda Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Langkawi (Pindaan) 1993, yang dicadangkan ini adalah sebagai pindaan kepada Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 yang bertujuan bagi memperkemaskan dan mempertingkatkan fungsi dan peranan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) di dalam usaha membangunkan Pulau Langkawi sebagai pusat pelancongan dan kawasan bebas cukai.

Selaras dengan pembangunan yang sedang berkembang pesat di pulau ini, maka beberapa seksyen yang dipinda di dalam Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990, adalah bagi menyesuaikan dengan keadaan perkembangan yang sedang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Langkawi (Pindaan) 1993, adalah terdiri daripada perkara-perkara berikut.

1. Menggantikan gelaran "Pengurus" kepada "Pengurus Besar".

Pada awal penubuhan LADA merupakan sebuah organisasi kecil yang anggotanya terdiri daripada 9 orang kakitangan dan diketuai oleh seorang Ketua Eksekutif bergelar Pengurus. Tugas LADA ketika itu hanyalah sebagai penyelarass pelaksanaan pembangunan di Langkawi.

Setelah beroperasi selama lebih kurang tiga tahun, tugas dan fungsi LADA telah diperluaskan kepada peranan yang lebih besar iaitu merancang, mengawasi dan melaksanakan semua bentuk

pembangunan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan dan kawasan bebas cukai.

Memandangkan beban tugas LADA yang semakin bertambah, maka 24 jawatan tambahan telah diwujudkan yang menjadikan jumlah jawatan di dalam LADA meningkat kepada 33. Dengan pertambahan jawatan-jawatan ini, maka beberapa seksyen dalam organisasi LADA telah diwujudkan bagi melaksanakan tugas-tugas tambahan. Dengan demikian bagi mengelak kekeliruan dari segi gelaran Ketua Eksekutif dengan lain-lain jawatan kanan di dalam LADA serta kesesuaian penggunaannya setaraf dengan lain-lain agensi Lembaga Kemajuan Wilayah, maka gelaran Ketua Eksekutif LADA dinamakan Pengurus Besar bagi menggantikan gelaran Pengurus.

Untuk tujuan tersebut seksyen-seksyen 2, 12 dan 22 Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 adalah dipinda bagi menggantikan definisi Pengurus kepada Pengurus Besar.

2. Pengurus Besar menjadi seorang anggota ex-officio Lembaga.

Mengikut peruntukan Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990, Pengurus Lembaga Pembangunan Langkawi tidak menganggotai Lembaga Pengarah. Sebagai Pengurus yang bukan Ahli Lembaga, tindakan yang diambil tanpa penurunan kuasa oleh Jemaah Pengarah boleh dipersoalkan. Oleh yang demikian adalah wajar supaya Pengurus menjadi Ahli Lembaga untuk memberikan kuasa yang sah bagi melaksanakan segala keputusan Pengarah LADA.

Selain daripada itu, cadangan ini adalah untuk menyeragamkan dengan lain-lain agensi pembangunan Wilayah seperti KEDA dan PERDA serta lain-lain perbadanan di mana Pengurus Besar terus menjadi Ahli Lembaga. Untuk tujuan tersebut seksyen 5 Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 adalah dicadangkan dipinda supaya Pengurus Besar menjadi seorang anggota ex-officio Lembaga.

3. *Penyerahan balik tanah yang diberi milik oleh Kerajaan Negeri Kedah.*

Tanah-tanah yang dibangunkan oleh LADA di Langkawi diperolehi melalui cara-cara berikut:

- (i) tanah yang diambil di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960;
- (ii) tanah yang dibeli; dan
- (iii) tanah yang diberi milik oleh Kerajaan Negeri Kedah.

Mengikut seksyen 33 atau Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990, selepas 20 tahun, Akta ini berkuatkuasa ia boleh dilanjutkan dan jika ianya tidak dilanjutkan mengikut subseksyen 34(i), LADA akan terubuh. Apabila LADA digubalkan, maka menurut perenggan 34(3)(b), semua tanah-tanah kepunyaan LADA akan diserahkan dan terletak hak kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Sehubungan dengan ini, bagi tujuan memelihara dan menjaga kepentingan Kerajaan Negeri Kedah dan rakyat tempatan adalah di cadangkan supaya tanah-tanah yang diberi milik kepada LADA oleh Pihak Berkuasa Negeri dikembalikan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah apabila LADA dibubarkan. Untuk tujuan tersebut, perenggan 34(3)(b), Akta Lembaga

Pembangunan Langkawi 1990 dicadangkan dipinda bagi membolehkan semua tanah yang telah diberi milik kepada LADA oleh Pihak Berkuasa Negeri diserahkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah apabila LADA dibubarkan.

Serahan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat Kerajaan Negeri supaya suatu amaun pampasan yang dipersetujui antara Kerajaan Persekutuan dengan Pihak Berkuasa Negeri kepada Kerajaan Persekutuan berkaitan dengan pembangunan yang telah dibuat oleh LADA di atas tanah-tanah berkenaan. Bayaran pampasan tersebut adalah wajar memandangkan Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan wang yang banyak bagi membangunkan tanah-tanah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Padang Terap.

5.22 ptg.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Undang-undang ini, khususnya kerana ianya bertujuan untuk memperkuatkan lagi Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).

Pindaan yang pertama yang perlu dibuat daripada dahulu jikalau dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menyamakan LADA ini dengan agensi-agensi pembangunan wilayah yang lain ialah menjadikan Pengurus Besar sebagai *ex-officio* Lembaga Pengarah. Kalau ditengok banyak agensi-agensi Kerajaan seperti MADA, KADA dan lain-lain lagi yang ditubuh dahulu, Pengurus Besar memanglah di dalam Akta diberi jawatan sebagai *ex-officio* dan setengahnya menjadi Timbalan Pengerusi.

Saya hairan mengapa beberapa agensi selepas MADA dan KADA ditubuhkan, ianya tidak diikuti sebegitu. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, adalah penting agar pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah duduk bersama pada peringkat membuat keputusan atau decision making, dengan izin, mengenai dengan dasar-dasar Lembaga itu. Kerana jikalau Lembaga Pengarah sahaja yang buat keputusan dasar dan ini kita mengharapkan ianya memberi kepada pihak pengurusan untuk menjalankannya, saya fikir ada satu jurang (gap). Lebih-lebih lagi jikalau kebanyakan Ahli-ahli Lembaga Pengarah itu bukan terdiri daripada golongan-golongan profesional. Dan kita tahu bahawa banyak Lembaga-lembaga Pengarah, badan-badan seperti ini bukan daripada golongan profesional. Apabila ini berlaku maka akan wujud satu keadaan yang mana pihak Lembaga Pengarah tidak mendapat membuat satu dasar yang sesuai untuk pembangunan kawasan yang dipertanggungjawabkan. Satu pihak lagi iaitu pihak pengurusan tidak dapat menjalankan apa yang didasarkan itu kerana ianya tidak realistik. Ianya tidak real, dengan izin, dengan keadaan yang sebenarnya.

Jadi, saya harap pihak Kerajaan di dalam menubuhkan mana-mana agensi sebegini, khususnya di dalam pembangunan ekonomi, integrasi sebegini patut diadakan iaitu sekurang-kurangnya Chief Executive Officer itu dijadikan Timbalan Pengerusi kepada Lembaga. Kerana jikalau ianya diberi kedudukan sebegitu, satu professional input dapat dimasukkan di dalam perbincangan Ahli-ahli Lembaga Pengarah.

Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, bahawa di dalam pembangunan ekonomi pada masa ini, banyak perkara-perkara yang perlu diambil-kira. Perkara-perkara mengenai pengetahuan dan ilmu yang khusus— ilmu ekonomik, ilmu demografi, ilmu antropologi dan ilmu macam-macam. Jikalau kebanyakan Ahli Lembaga Pengarah tidak mengetahui tentang ilmu-ilmu ini, maka akan berlakulah satu perbincangan yang mana dasar dibuat tidak real dan pegawai-pegawai yang akan menjalankan dasar ataupun program-program yang dikeluarkan oleh Lembaga tidak dapat menjalankannya kerana ianya tidak sesuai dengan keadaan.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan perkara di dalam 34(3)(b) iaitu selepas LADA habis edahnya ataupun habis umurnya, iaitu 20 tahun selepas ditubuh dan jikalau Kerajaan tidak mahu dilanjutkan usianya, tanah-tanah yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Kedah kepada pihak LADA sepatutnya dikembalikan kepada Kerajaan Negeri Kedah. Kerana, Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, Kedah adalah satu negara yang kurang sumber alamnya. Hutan sudah tiada, semua sudah habis. Jadi, hanya tanah sahajalah yang merupakan sumber ataupun asas cukai (tax-based) kepada Kerajaan Negeri

Kedah. Tanah yang ada pada Kerajaan Negeri Kedah sekarang ialah tanah dan air, iaitu air irigasi. Bukan air hujan, air irigasi. Air yang ditakung dan diberi khidmat kepada pertanian dan perindustrian.

Seorang Ahli: Angin!

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Angin? Tidak. Dan juga tax kepada pengeluaran tuak dan nira. Itu sahaja. Kerajaan Negeri Kedah tidak ada asas cukai yang lain. Pada hal Kerajaan Negeri yang lain, banyak asas cukainya. Inilah yang menyebabkan Kerajaan Negeri Kedah miskin. Rakyat Negeri Kedah mungkin tidak semiskin tetapi Kerajaan Negeri Kedah miskin kerana asas cukainya tidak ada, tidak cukup. Jadi, dengan adanya peruntukan yang dapat membalikkan ataupun mempertahankan tanah yang menjadi asas cukai kepada Kerajaan Negeri Kedah, maka saya fikir tanah ini dapat dimanfaatkan untuk menjadi satu sumber pendapatan kepada Kerajaan Negeri Kedah. Dan perkara ini patut dibuat untuk agensi-agensi lain seperti KEDA yang juga akan mati selepas 20 tahun. Di dalam akta KEDA ada wujud selepas 20 tahun akan dihabiskan umurnya dan tanah yang diberi kepada KEDA perlu diberi balik kepada Kerajaan Negeri Kedah, sepertimana yang kita buat di dalam Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga mengenai dengan Langkawi Development Authority (LADA). Saya mengalu-alukan langkah pihak LADA, di samping memperkuat organisasinya, berani mengadakan beberapa projek dan program yang akan memastikan bahawa pembangunan ekonomi, pembangunan sosial di Langkawi akan terus berlaku dengan pesat dan gijih.

Baru-baru ini LADA telah membeli dua buah feri yang tiap-tiap sebuah berharga RM8 juta dan mengadakan perkhidmatan yang baik. Apabila saya melihat dan menaiki feri itu saya fikir ia akan mendatangkan pulangan balik di dalam masa 6 tahun, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut ini kerana dahulu apabila saya mengetuai KEDA di Negeri Kedah, cadangan ini telah dibuat oleh KEDA agar KEDA mengadakan perkhidmatan feri ke Langkawi, tetapi ditolak oleh pihak Kerajaan melalui central agencynya iaitu EPU dan juga Treasury. Tetapi sekarang inilah baru dilihat bahawa betapa pentingnya perkhidmatan feri di dalam sumbangannya kepada pembangunan Langkawi. Peningkatan orang-orang yang pergi ke Langkawi, pelancong-pelancong dan orang-orang yang bertujuan menjalankan lain-lain tanggungjawab meningkat cukup banyak, sehingga pesawat-pesawat udara dipenuhi dengan penumpang-penumpang. Begitu juga feri-feri, walaupun di dalam masa off-season seperti sekarang ini, dipenuhi dengan penumpang-penumpang. Ini semua hasil tarikan Langkawi sebagai pusat pelancong dan pusat membeli-belah.

Di sini, dengan adanya rancangan yang berani yang dibuat oleh LADA semestinya di sokong oleh Kerajaan. Jikalau Kerajaan hendak membangunkan Langkawi sepertimana yang dirancang, maka LADA harus diberi kemudahan, diberi peransang untuk mengadakan projek-projek sebegini yang akan memastikan pembangunan Langkawi akan berlaku dengan pesat pada jangka panjang.

Saya harap pihak LADA di dalam menjalankan perkhidmatan feri-feri ini akan menjadikan contoh kepada

perkhidmatan feri lain-lain syarikat terutamanya dari segi kebersihan, dari segi mengikut jadual. Ini memang ada pada masa sekarang. Yang saya takut ialah apabila ianya berjaya, taraf ataupun mutu perkhidmatan ini akan jatuh dan kita harap LADA sebagai sebuah badan Kerajaan akan mempertahankan kedudukan ini dengan baik.

Perkara yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya pihak LADA mengenai apakah kedudukan dan prestasi Tabung Penduduk-penduduk Langkawi yang ditubuh dahulu untuk memastikan bahawa semua penduduk-penduduk Langkawi sedikit-sebanyak akan mendapat manfaat daripada pembangunan yang diadakan di Langkawi, yang dirancangan dan diawasi sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apakah kedudukan Tabung ini dan apakah aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh Langkawi Fund, dengan izin, yang Lembaganya dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Bashir Ismail. Selain daripada Fund ini saya harap LADA juga akan merancangkan cara-cara bagaimana anak-anak Langkawi sendiri dapat mengambil bahagian dan mendapat manfaat di dalam pembangunan Langkawi. Kita tidak boleh mengharapkan mereka semata-mata kerana pada saya, orang-orang Langkawi telah menghadapi satu keadaan 'cultural shock' yang kuat. . . .

Seorang Ahli: Krisis apa?

Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar: Ya, ini mungkin mendatangkan 'krisis sosial' kepada mereka. Yang saya maksudkan 'cultural shock' itu ialah dalam masa yang singkat masyarakat Langkawi yang dahulunya mundur, yang dahulunya adalah masyarakat perdesaan yang terhindar ke tepi,

dengan sekonyong-konyongnya dicurah segala pembangunan. Jikalau reaksi mereka kita nampak negatif sekalipun, kita tidak dapat, kita tidak boleh memarahi mereka, kerana ini adalah satu hasil daripada 'cultural shock' tadi. Misalannya saya lihat, pada permulaannya ramai orang mengatakan bahawa orang Langkawi tidak memberi response yang sepatutnya. Memang mereka tidak dapat memberi response yang sepatutnya pada permulaan, kerana mereka sendiri terkejut dan mereka sendiri tidak tahu arah ke mana hendak ditujui di dalam pembangunan. Jadi di sinilah LADA sebagai satu agensi pembangunan mesti mengenal pasti dan mengakui hakikat ini dan janganlah membuat apa-apa tuduhan melulu, janganlah membuat perancangan yang mana orang yang terkejut akibat kejutan budaya ini tidak dapat mengambil bahagian dan akhirnya kita juga yang menyalahkan mereka. Buatlah cara-cara yang kita panggil 'social engineering' kah atau apakah di dalam soal pembangunan masyarakat agar mereka ditarik dengan sempurna ke dalam arus pembangunan ekonomi dan sosial moden ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin membuat teguran sedikit kerana apabila Langkawi dijadikan satu destinasi pelancongan yang besar (international), LADA seharusnya mengambil berat di dalam hal memperelokkan kawasan perdesaan Langkawi itu sendiri.

Kalau kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, di tepi jalan ataupun di sepanjang jalan dari Kuah ke Airport, dari Airport ke kawasan Tanjong Rhu dan lain-lain jalan lagi, kebanyakan rumah-rumah di tepi jalan di Langkawi itu adalah di dalam keadaan yang cukup mengaibkan dari segi kesempurnaan perkarangannya, dari

segi kesempurnaan pembinaannya. Apakah pihak LADA tidak boleh memperuntukkan sedikit peruntukan untuk memperbaiki keadaan ini, kerana tiap-tiap pelancong akan mendapat satu impression yang tidak baik. Bila kita ada di satu tempat, satu kompleks hotel 5 bintang, tetapi sebelum hendak sampai kompleks hotel yang 5 bintang itu kita tengok rumah yang buruk, penuh dengan kerbau di hadapan, penuh tahi lembu, tahi kerbau dan perkarangan yang tidak terurus, penuh dengan pokok kapalterbang iaitu satu jenis rumput-rumpai yang biasa terdapat di negara kita ini. Ini sangat memalukan kerana ianya memberi impression kepada pelancong, kepada pelawat luar bahawa di negara kita ada polarisasi iaitu polarisasi pembangunan yang cukup canggih dan satu lagi, satu keadaan yang memundurkan. Jadi di sinilah, saya fikir LADA jangan hanya memikirkan hendak mengadakan feriferi yang canggih, tetapi mesti memperelokkan kampung-kampung di sepanjang jalan yang menuju ke arah destinasi pelancong-pelancong dari luar.

Kalau Tuan Yang di-Pertua lihat, bagaimana negara Korea melakukan ini, di dalam perjalanan dari Seoul ke Pusan seluruh kampung yang berderet di kiri-kanan highway Seoul ke Pusan itu semuanya dibina rumah-rumah kampung yang indah, tetapi apabila kita pergi ke belakangnya tidak seindah itu. Apa yang dapat dilihat oleh pelancong atau orang luar, sepanjang 400 kilometer bahawa kampung-kampung di Korea ini cukup indah, dengan rumah yang sederhana tetapi indah dan dijaga perkarangannya. Rumahnya dipandang elok, dicuci, dicat dengan elok, bumbungnya dibubuh dengan bermacam-macam

warna-warni. Saya dapati bahawa apa yang dilakukan di Korea adalah program ataupun projek yang disubsidised oleh Kerajaan. Mengapa kita tidak dapat buat begini? Kerana di Langkawi saya fikir, kalau disubsidisekan oleh pihak Kerajaan ianya tidak akan menelan ongkos yang banyak.

Saya tahu bahawa kebanyakan rumah-rumah sebegini adalah bukan sengaja diadakan tetapi kerana mereka tidak berupaya untuk membaikinya dan juga tidak berupaya membersihkan dan memperelokkan pekarangannya. Inilah yang saya minta pihak LADA mengambil berat sama di dalam hal-hal ini.

Perkara yang lagi satu ialah mengenai dengan pantai-pantai. Saya memuji pihak LADA dan juga pihak pegawai Pejabat Daerah yang telah menyahut teguran saya di Parlimen ini dahulu, iaitu mengenai pengotoran di kawasan-kawasan pantai di Langkawi khususnya di Pantai Chenang yang mana effluent daripada chalet-chalet dengan senang keluar ke pantai dan pelancong-pelancong mandi di dalam air laut yang bercampur effluent seperti air kencing dan air kotor.

Saya telah membuat teguran di sini dan perkara ini telah pun diambil perhatian. Tetapi banyak lagi yang patut dibuat di pantai, misalnya, penjagaan pantai walaupun ada, mesti dijaga dengan rapi. Di pantai Chenang, pantai Tanjung Rhu di mana pengutipan sampah atau penyucian pada sekian-sekian musim disebabkan oleh sejenis shellfish ataupun kepah yang banyak dipukul ombak ke pantai. Ini menyebabkan pantai itu berbau busuk. Saya harap pihak LADA ataupun pihak Pejabat Daerah mengambil tindakan dengan secepat

mungkin, jangan biarkan kepah itu busuk. Ini akan memberikan impression yang tidak baik kepada pelancong-pelancong yang hendak menggunakan pantai khususnya di depan Hotel Pelangi Beach. Pada sekian-sekian bulan pantai itu cukup busuk disebabkan oleh decaying shellfish ini. Apabila shellfish ini mati baunya busuk sangat dan ini akan menjejaskan imej Langkawi yang kita ingin menggambarkan sebagai satu pulau yang mempunyai pantai yang indah, pantai yang bersih.

Akhirnya sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar LADA mengambil bahagian penting di dalam pembangunan pulau-pulau. Di Langkawi kita ada lebih kurang 90 pulau yang boleh dibangunkan. Pada masa ini sebuah pulau bernama Pulau Singa Besar sedang dibangunkan di bawah pengelolaan Jabatan Haiwan.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jabatan Haiwan yang telah berjaya membangunkannya. Walaupun ada masalah pada permulaan, tetapi sekarang ini dengan tindakan Jabatan Haiwan tidak memotong walaupun sebatang pokok di kawasan itu adalah satu tindakan yang baik. Pada perencanaan permulaan, Jabatan Haiwan hendak mengadakan satu padang ragut ataupun 'fee range grassland' untuk membela binatang-binatang yang diimport dari Afrika. Tetapi apabila dikaji semula, didapati kawasan ini tidak sesuai dan didapati bahawa tidak semestinya binatang-binatang dari Afrika sahaja yang akan dapat menarik perhatian pelancong, malah binatang-binatang bumiputera pun akan dapat menarik pelancong. Ini dilakukan oleh pihak Jabatan Haiwan yang pada masa ini dapat membangunkan Pulau Singa ini sebagai satu Wild Life Sanctuary

yang dapat menarik sebanyak 90,000 orang pelancong setahun dan ini adalah satu potensi yang besar, pembangunan eco-tourism yang baik. LADA seharusnya melihat kepada kemungkinan mempelbagaikan sumber-sumber ataupun tempat-tempat untuk menarik pelancong baik dari luar mahupun dari dalam negara untuk pergi ke Langkawi dengan tujuan beriadah dan lain-lain tujuan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap dengan hujah-hujah saya tadi, kehendak LADA akan diberi perhatian sepenuhnya oleh Timbalan Menteri yang juga merupakan Timbalan Menteri Kewangan iaitu satu Kementerian yang senang untuk meluluskan wang untuk agensi di bawahnya. Apa yang saya maksudkan tadi ialah, jikalau kita hendak menjadikan Langkawi ini satu tempat yang baik, biarlah kita menjalankan kerja-kerja yang komprehensif dan bukan setakat mewujudkan enclave tetapi menjalankan kerja-kerja supaya pembangunan keseluruhan Langkawi, termasuk rumah-rumah yang buruk dan hodoh ini dipereleakkan. Jamban-jamban yang terletak di depan rumah itu dibuang dan diintegrasikan ke dalam unit rumah. Adalah cukup memalukan jikalau kita bermotokar dari Kuah ke Pantai Chenang melihat jamban di depan rumah (out house) ini menunjukkan bahawa kita masih lagi di dalam abad yang kesembilan belas.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nanti dahulu, Yang Berhormat. Jelutong minta jalan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Silakan.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, saya telah mendengar ucapan Yang Berhormat dari Padang Terap tadi. Pembangunan di mana-mana pun tidak boleh dipersalahkan tetapi apa yang penting dan perlu ialah, dalam pembangunan Langkawi, apabila tanah-tanah petani diambil alih oleh Kerajaan, adakah pampasan yang mencukupi diberi kepada mereka? Sebagai satu contoh, ini adalah mengenai tanah yang berdekatan dengan Hotel Pelangi yang dipunyai oleh satu keluarga di sana, dan saya menjadi lawyer kepada keluarga tersebut dan oleh itu saya mengisytiharkan kepentingan saya dalam hal ini dan bolehkah saya mendapatkan kebenaran untuk menanyakan sedikit penjelasan?

Tanah ini berdekatan ataupun in fact it is adjacent to Pelangi Hotel. Setelah satu enquiry dijalankan mengenai mengambilalih tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah, beliau telah ditawarkan lebih daripada RM1 juta. Tanah itu luas dan pada pendapat saya pampasan yang harus diberi kepada orang ini ialah lebih kurang RM2 juta, tetapi beliau mendapat RM1 juta lebih sahaja dan orang ini tidak diwakili oleh seorang peguam dalam enquiry tersebut. Mengikut Akta Pengambilan Tanah, seksyen 38 kalau saya tidak silap, jika seseorang tidak berpuas hati dengan apa yang ditawarkan di dalam satu enquiry mengenai pengambilalihan tanah, beliau ada hak untuk membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi dalam tempoh enam minggu.

Orang ini tidak ada peguam dan orang ini tidak berpelajaran tinggi dan beliau ada membuat satu rayuan kepada Mahkamah Tinggi dalam masa yang ada ditetapkan di bawah seksyen 38. Apabila beliau berjumpa dengan saya, iaitu lebih kurang 9 bulan selepas

tamatnya tempoh tersebut, saya dan pelanggan saya telah berjumpa seorang pegawai—in fact he is the Collector—di Kuah. Yang membuat keputusan dalam enquiry dalam kes ini adalah seorang Collector yang lain. Apabila kami berjumpa dia, saya memberikan penjelasan mengenai sebab-sebab orang ini tidak memasukkan rayuan beliau dalam tempoh yang ditetapkan, dan Collector ini telah memberitahu saya dan pelanggan saya, “Oh! Saya pun orang kampung dan saya tahu dalam perkara ini orang-orang kampung tidak tahu mengenai undang-undang dan oleh itu saya memberi perlanjutan masa selama enam minggu dari sekarang. Itu adalah dalam bulan Ogos. Dia beri oleh kerana Collector yang lama yang telah mempengerusikan enquiry itu tidak memberi penjelasan kepada pelanggan saya bahawa beliau ada hak untuk membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi. Dan Collector ini berani. Dia kata, “Saya beri oleh kerana apa yang telah dibuat oleh Collector yang mempengerusikan enquiry itu tidak adil. Saya beri enam minggu dan dalam enam minggu ini boleh memasukkan satu rayuan kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan pampasan yang lebih tinggi daripada apa yang ada ditawarkan”.

Tuan Speaker, dalam tempoh tiga minggu itu, saya buat satu permohonan kepada Mahkamah Tinggi. Apa yang terjadi adalah untuk regularise the position selepas rayuan ini dibuat, saya telah buat satu permohonan lagi kepada Mahkamah Tinggi untuk melanjutkan masa itu, oleh kerana apa yang dibuat oleh Collector ini barangkali tidak mengikut undang-undang. Dia tidak ada hak barangkali, walaupun beliau ada memberi perlanjutan masa itu.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Padang Terap sudah bangun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Apa penjelasan Yang Berhormat?

Tuan R. Karpal Singh: I will come to that. Nampaknya apa yang terjadi adalah begini, Tuan Speaker. Apabila permohonan itu ada di hadapan Mahkamah Tinggi, dua minggu baru-baru ini, Penasihat Undang-undang datang ke Mahkamah dan bantah permohonan saya, mengatakan tidak boleh diberi perlanjutan masa.

Tuan Speaker, adakah itu adil? Apabila Collector, orang yang ada kuasa walaupun tidak mengikut undang-undang, tetapi beliau berbuat demikian, bolehkah seorang Penasihat Undang-undang, satu pegawai yang tertinggi sekali dalam Negeri Kedah, sebagai Penasihat Undang-undang (Legal Advisor), membantah apa yang ada diperlanjatkan oleh Collector itu?

Maksud saya adalah begini. Tidak payah datang ke sini, dan kata, oh! pembangunan di Langkawi baik, ini baik, itu baik, tetapi siapa yang jadi mangsa? LADA ini adalah satu alat yang ada diperalatkan oleh Daim Zainuddin. Beliau ada banyak tanah di sana, kenapa tanah dia tidak diambil oleh Kerajaan? Kenapa tanah petani-petani juga yang diambil.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Saya mahu penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah saya mendapat penjelasan? Adakah apa yang dilakukan di Langkawi, bagi kepentingan orang Langkawi? Atau bagi kepentingan orang-orang sebagai Tun Daim Zainuddin, barangkali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan orang-orang berpangkat yang lain?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Padang Terap bangun.

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah saya mendapat penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jangan panjang sangat, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Terima kasih, Jelutong. Soal ini memanglah apabila ada pembangunan pastilah berlaku sebegini. Di kawasan saya, di Padang Terap pun dahulu ada berlaku, di mana pengambilan tanah menjadi satu isu yang besar. Tetapi, sebagaimana Yang Berhormat kata tadi, ada tempat untuk yang menjadi mangsa itu mengadu iaitu mahkamah. Dan Yang Berhormat sendiri menjadi Peguambelanya, manakala litigation mengenai dengan rayuan orang yang jadi mangsa ini ada. Yang Berhormat sendiri pun mengaku bahawa Yang Berhormat menjadi Peguamnya.

Saya hendak tanya balik apakah Yang Berhormat telah berjaya untuk mendapatkan harga yang sebenar untuk orang yang jadi mangsa ini

kerana kuasa yang paling akhir ialah mahkamah. Mahkamah akan menentukan adakah harga yang diberi oleh Kerajaan itu berpatutan. Jikalau ianya RM1 juta, kalau mahkamah pastikan itu RM1 juta, maka RM1 jutalah, jikalau ianya melebihi mahkamah akan menentukan. Macam di kawasan saya, setengah daripada penduduk-penduduk yang mana tanahnya diambil untuk pembangunan, yang tidak bersetuju dengan harga yang dinilai oleh pihak Kerajaan membawa ke mahkamah dan berlaku yang mana mahkamah menentukan harga yang Kerajaan beri itu tidak mencukupi dan mahkamah menentukan harga yang sepatutnya.

Jadi di sini ada cara untuk keadilan berlaku. Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sendiri tadi mengakuinya bahawa orang yang menjadi mangsa itu mendapatkan perkhidmatan perundangan untuk mendapat keadilan.

Jadi, di sinilah yang saya tekankan tadi bahawa di dalam mana-mana pembangunan satu usaha untuk melatih bukan sahaja setakat LADA dan pegawainya pergi menjalankan pembangunan fizikal malah melatih orang-orang yang terlibat iaitu seperti saya kata tadi iaitu orang-orang Langkawi sendiri pernah mengalami masalah cultural shock. Dia tidak tahu, tahu-tahu pembangunan datang dengan tiba-tiba, sedangkan dia dengan keadaan pengetahuannya tentang birokrasi, tentang haknya di dalam undang-undang negara; dia sendiri tidak tahu. Ini berlaku juga di kawasan saya di Padang Terap yang mana penduduk-penduduk yang tanahnya diambil dengan sewenang-wenangnya oleh pegawai, dibayar dengan harga yang cukup rendah tetapi apabila mereka merujuk kepada peguam masing-masing, mereka mendapat pembelaan.

Dan inilah yang saya maksudkan supaya penduduk-penduduk itu sendiri direncanakan supaya mereka diberi usaha pembangunan, yang mana mereka diberi pengetahuan tentang hak-hak mereka sebagai rakyat Malaysia di bawah undang-undang yang ada. Yang ini yang saya maksudkan agar mereka tidak tertinggal khususnya yang saya kata tadi dari segi fizikal. Yang dibangkitkan oleh Ahli dari Jelutong ialah dari segi 'awareness' ataupun kesedaran mereka mengenai hak-hak mereka di bawah undang-undang negara. Yang ini yang penting, yang saya tekankan tadi. Bukan kita hendakkan LADA itu membeli feri yang besar-besar sahaja, membuat kondominium yang tinggi, yang elok sahaja, malah soal pembangunan masyarakat, soal pembangunan manusia itu mesti ditekankan sama.

Dan itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, hujah-hujah saya dan semoga mendapat perhatian daripada pihak Kementerian agar ianya menjadi satu hasil yang akan memberi manfaat bukan sahaja kepada negara, malah semua penduduk-penduduk Langkawi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Kepong.

5.57 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, walaupun Rang Undang-undang ini hanya menumpu kepada pertukaran nama daripada "Pengurus" kepada "Pengurus Besar" dan juga mengenai letakhaknya tanah-tanah apabila Lembaga dibubarkan, perkara ini mungkin dalam tempoh beberapa dekat ini tidak akan dibubarkan. Dan hasrat Ahli Yang

Berhormat dari Padang Terap untuk mengembalikan setengah-setengah tanah kepada Kerajaan Negeri Kedah mungkin tidak akan tercapai.

Walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan beberapa pendapat yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap terutamanya mengenai para penduduk di Langkawi yang mesti diberi peluang untuk menikmati peluang pembangunan, untuk memberi pampasan ke atas tanah yang diambil alih dengan adil dan saksama dan memajukan serentak dengan konsep pembangunan menyeluruh adalah baik untuk tujuan ini.

Walaupun permintaan itu begitu singkat, ia mempunyai implikasi dan konsikuensinya yang luas dalam usaha untuk memperkemas dan mempertingkatkan fungsi Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) itu untuk tujuan pelancongan dan juga kawasan bebas cukai.

Di sini saya mempunyai beberapa perkara untuk dibangkitkan terutamanya mengenai perkhidmatan feri yang telah pun disentuh oleh Ahli Yang Berhormat tadi dengan sedikit, dan mengenai perkhidmatan jeti, hotel, destinasi pelancongan, kualiti barangan yang didapati di Langkawi dan juga alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengemasan LADA, Pengurus Besar sekarang mempunyai kuasa yang lebih besar dan menjadi pegawai ex-officio kepada Lembaga. Dengan yang demikian, saya berharap Pengurus Besar dan juga Lembaga anggotanya yang lebih daripada 30 orang, kalau tidak silap saya sepertimana yang disebutkan tadi oleh Timbalan Menteri, anggotanya sekarang ialah 33 orang.

Lembaga LADA ini tidak sepatutnya digunakan sebagai satu alat sahaja oleh mana-mana pihak, tidak kiralah siapa, termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Tun Daim atau siapa sahaja yang mempunyai kepentingan di Langkawi. Mereka tidak sepatutnya menggunakan LADA sebagai alat untuk memajukan bagi mendapat kepentingan sendiri. Dari segi ini saya berharap perlantikan Pengurus Besar adalah penting di mana kita mesti melantik orang yang bebas, bersih, cekap dan beramanah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, tidak boleh langsung ada pembangunan, mesti dikaitkan dengan nama tertentu. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, apakah bukti-bukti Yang Berhormat ada yang menunjukkan bahawa Perdana Menteri ada kepentingan secara peribadi di sana. Daim tidak payah, kerana Tun Daim ini dia bukan Menteri, dia Ahli Parlimen macam saya jugalah dan dia boleh berniaga. Saya boleh berniaga. Awak sebagai doktor kulit, boleh berniaga, kecuali kalau orang pergi check kulit, hendak diberi rawatan percuma, itu tidak tahulah. Yang Berhormat dari Jelutong pun berniaga, 'fee'nya dia caj tinggi—berniaga semua, sebab dia lawyer yang paling baik di antara yang terbaik. Feesnya mahal. Kalau saya pun ada masalah, saya akan cari dia. Ini berniaga. Kalau kulit saya ada masalah, saya akan cari you dan you mesti caj saya. Jadi, Tun Daim hendak berniaga itu salah atau tidak salah? Saya hendak tanya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan soalan. Kalau Yang Amat Berhormat atau Tun Daim atau sesiapa sahaja berniaga dengan cara yang munasabah dan cara yang dilindungi oleh Akta ataupun undang-

undang negara, itu tidak salah. Apa salahnya! Cuma yang saya bangkitkan di sini ialah supaya Lembaga dan Pengurus Besar tidak diperalatkan untuk sesuatu tujuan. Itupun tidak boleh sebut? Yang Berhormat dari Arau sangat peka tentang hal yang seperti ini, walaupun Arau itu jauh daripada Langkawi. Oh! ada Kuala Perlis, yang paling dekat. Saya akan sentuh berkenaan dengan Kuala Perlis. Tetapi Arau tidak ada kapal dan feri pun tidak sampai ke Arau.

Seorang Ahli: Don't waste time!

Dr. Tan Seng Giaw: Ini bukannya wasting time, ini memang perkara yang penting. Saya tidak sentuh Arau tadi. Yang penting sekali ialah selain daripada tidak diperalatkan oleh sesiapa pun, LADA mesti menumpukan perhatian kepada perkhidmatan feri.

Tadi Yang Berhormat dari Padang Terap ada menyebutkan berkenaan dengan "LADA 1", iaitu salah satu kapal daripada Perth, Australia yang dibeli oleh pihak LADA untuk menambahkan perkhidmatan feri di antara Langkawi dengan Kuala Perlis. Harganya RM8 juta untuk 3 buah kapal yang akan dibeli dan kapal yang pertamanya telah sampai. Saya nampak sebelum "LADA 1" ini yang dimiliki oleh pihak LADA Langkawi Holdings Sdn. Bhd., ada 3 syarikat lagi yang memberi perkhidmatan feri iaitu Syarikat Perkhidmatan Feri Kuala Perlis Langkawi Sdn. Bhd. Water Tours Development Sdn. Bhd. dan Samawest Sdn. Bhd. yang merupakan 3 operator feri yang memberi perkhidmatan yang sama. Saya nampak perkhidmatan baru ini mempunyai harga tiket yang sangat mahal iaitu RM10.00 satu tiket untuk kelas "classic" dan untuk kelas "premier"—RM12.00—memang

mahal. Mungkin pihak LADA Langkawi Holdings Sdn. Bhd. boleh mempertimbangkan supaya kadar harga tiket ini diturunkan sedikit untuk orang ramai, kerana feri-feri ini memang sangat popular dan bilangan pelawat ke Pulau Langkawi pun sudah bertambah dengan banyaknya. Dengan yang demikian, kita perlukan perkhidmatan yang lebih baik dan harga tiket yang lebih rendah.

Sekarang saya nampak feri-feri ini tidak ikut schedule, kadang kala satu jam lewat atau dua jam lewat—kita mesti mengikut jadual (schedule).

Tuan Shahidan bin Kassim: Out of date.

Dr. Tan Seng Giaw: Mana "out-of date", Arau tidak tahu. Kadangkala satu jam atau dua jam lewat. Macam mana out-of-date? Kita mesti memastikan supaya semua perkhidmatan feri ini mengikut jadual masa yang ditetapkan dan harga yang berpatututan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Your last visit, bila?

Dr. Tan Seng Giaw: My last visit cuma beberapa bulan dulu sahaja.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*).

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana? Ha, itu Parit Sulong pergi Langkawi?

Seorang Ahli: Last Week.

Dr. Tan Seng Giaw: Last week! Arau pun tidak pergi. Dalam tempoh 6 bulan ini saya sudah pergi satu kali. Padang Terap pun bukan. Hendak cakap sahaja—cakap besar. Saya pergi ke situ belum sampai lagi enam bulan. Walau bagaimanapun, kita mesti mempertingkatkan perkhidmatan feri untuk para pelancong yang semakin hari semakin meningkat.

Satu perkara lagi mengenai jeti. Jeti Kuah sekarang ini nampaknya tidak cukup untuk menampung para pelancong kerana sangat sesak dan tempat-tempat menanti pun begitu sempit dan tidak selesa. Ini boleh dinafikan? Tidak boleh! Berth-berth pun tidak cukup—memang tidak cukup.

Seorang Ahli: (*Menyampuk*)

Dr. Tan Seng Giaw: Last visit tidak sampai 6 bulan! Adakah rancangan dari pihak Kerajaan untuk memperluas dan mempertingkatkan Jeti Kuah ini?

Tuan Shahidan bin Kassim: Supaya Yang Berhormat tidak terlanjur kerana lawatan terakhir Yang Berhormat ialah 6 bulan lalu, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa jeti baru di Kuah dan jeti baru di Kuala Perlis akan dibuka pada akhir bulan ini. Jadi, Yang Berhormat tidak payahlah melalut, lebih baik cari tajuk yang lain. Feri-feri juga tidak pernah lagi tidak menentu masa. Sekarang ini kalau Yang Berhormat hendak pergi naik pukul pada 10.00, ada feri pada pukul 10.00. Wakil PAS ini baru sahaja pergi ke Langkawi dan dia boleh confirm ini (*Ketawa*).

Dr. Tan Seng Giaw: Arau memang pembela. Saya akan pergi ke Langkawi dan saya akan mengesahkan sama ada cakupannya itu bohong ataupun tidak. Kalau saya nampak masih ada kelewatan ataupun jeti yang dibina tidak begitu selesa, maka saya akan balik ke sini dan mencari Arau!

Walau bagaimanapun, bolehkah rancangan yang diadakan sekarang menampung bilangan pelancong yang kian meningkat? Kalau tidak silap saya, sampai tahun 2000 bilangan pelancong yang pergi ke Langkawi akan

meningkat kepada 2 juta orang setahun. Ini bukan perkara main. Kalau Arau hendak cari 100 orang pelancong pun susah. Tetapi pelancong ke Langkawi akan meningkat kepada 2 juta. Kalau meningkat kepada 2 juta, adakah jeti dan feri mencukupi dan sama ada tempat-tempat untuk menanti di jeti itu akan diperluas dan dipermodenkan untuk menampung bilangan pelancong yang kian meningkat hampir 23% tiap-tiap tahun?

Saya percaya, bukan sahaja pelabuhan itu mesti diperluaskan bahkan pelabuhan kargo juga mesti diadakan di Langkawi untuk menampung keperluan. Adakah rancangan untuk membina pelabuhan kargo di Langkawi yang setakat ini tidak mempunyai kemudahan sedemikian?

Masalah yang selanjutnya ialah kekurangan bilik-bilik hotel. Tidak sampai 6 bulan yang lepas, saya terpaksa melalui pakej yang ditawarkan oleh MAS kerana hendak book Pelangi Hotel pun tidak sempat. Kena tunggu setahun untuk menempah. Ia ditempah bukan oleh orang Malaysia tetapi biasanya oleh orang Eropah. Tidak cukup bilik. Kalau orang Malaysia hendak pergi ke Langkawi susah hendak mendapatkan bilik. Kerana Arau tidak minat pergi ke Langkawi, memang dia tidak tahu. Masalah bilik hotel tidak cukup.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Padang Terap bangun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:
Saya hendak tanya kawan saya dari Kepong, adakah ini disebabkan oleh

beliau sebagai seorang yang kaya, yang berbudaya bourgeois, dia hanya hendak duduk di Pelangi Beach sahaja yang bayaran untuk satu malam ialah RM400. Padahal di tempat-tempat lain yang bayaran satu malam ialah RM20, RM40 untuk orang proletariat yang dia kata dia hendak membela, dia tidak tanya langsung. Kalau tanya yang itu, telefon hari ini ada juga. (*Ketawa*)

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Padang Terap memang hendak mengelirukan dan dia adalah pemutar belit yang sangat besar. Saya kata bukan sahaja bilik-bilik untuk hotel premier bahkan juga bilik-bilik hotel yang murah.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Takkanlah sampai satu tahun!

Dr. Tan Seng Giaw: Parit yang Sulong. Dia tidak pernah pergi ke Langkawi. Cakap sahaja tetapi tidak pergi. Dia pergi ke luar negara. Padang Terap dia hendak jadikan Kedah sebagai satu “negara” yang bebas. Itu adalah hasrat dia. Jadi, dia keluarkan kenyataan itu. Dengan tidak sengaja dia mengeluarkan kenyataan hendak menjadikan Kedah sebagai “negara” bebas.

Tuan Yang di-Pertua, setelah Lembaga LADA ini diperkemas, kita mesti menumpukan perhatian kepada pertambahan bilik-bilik hotel di semua peringkat kerana di musim-musim pelancongan susah hendak dapat bilik-bilik. Di hotel yang dikatakan murah itu pun harga sewa bilik-bilik hotel itu pun dinaikkan dengan sengaja. Ini satu perbuatan yang tidak baik dan akan menjejaskan industri pelancongan kerana kalau pihak hotel menaikkan harga terutamanya harga di peringkat pertengahan dan rendah, ini akan mendorong kepada inflasi di Langkawi.

Pihak LADA mestilah mengambil perhatian supaya pemilik-pemilik hotel tidak menaikkan harga bilik dengan sewenang-wenangnya supaya kita boleh elakkan inflasi dan juga para pelancong kalau dicaj atau dikenakan bayaran atau harga yang tidak berpatutan, mungkin mereka datang sekali sahaja dan lain kali pergi ke tempat yang lain.

Semasa LIMA 1991, ada kelemahan-kelemahan yang besar termasuk di pihak penganjur tidak dapat menyediakan bilik-bilik hotel yang cukup. Para Pelancong terpaksa mengalami kesusahan untuk mendapatkan bilik.

Saya pun berasa hairan kerana Yang Berhormat Arau dan Padang Terap tidak mengambil perhatian dan tidak mengambil kira mengenai kekurangan bilik hotel di semua peringkat. Mereka tidak mengambil pusing pada hal seperti ini. Yang Berhormat Padang Terap hendak menjadikan Kedah sebagai sebuah “negara” merdeka sahaja.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ada lagi?

Dr. Tan Seng Giaw: Ada banyak lagi, macam mana hendak habis. Hendak cakap? Saya tidak habis lagi.

Selain daripada keperluan untuk mengadakan lebih banyak bilik hotel termasuk chalet, mungkin “hotel segera” boleh diadakan. Sekarang bukan sahaja ada mee segera, “hotel segera” pun ada seperti Delima Resorts yang mengadakan hotel-hotel segera. Itu satu konsep yang baru. Bukan sahaja ada mee segera, ada hotel segera sekarang. Mungkin lebih banyak chalets kita adakan di situ.

Yang Berhormat Menteri Kewangan patut pergi ke Langkawi untuk mengkaji dengan sedalam-dalamnya sebelum kembali ke Dewan yang mulai ini untuk membentangkan Rang Undang-undang seperti ini kerana pada ayat yang pertama, dia kata usahanya meminda Rang Undang-undang ini ialah supaya memperkemas dan mempertingkatkan fungsi LADA dari segi destinasi pelancongan dan juga kawasan bebas cukai. Itulah yang disebutkan sebagai satu ayat yang pertama tadi, tetapi nampaknya dia tidak begitu faham mengenai keadaan di Langkawi. Bagaimana kita hendak memaju, memperkemas dan mempertingkatkan fungsi kalau kita tidak memahami keadaan di Langkawi?

Satu perkara lagi yang penting ialah destinasi-destinasi pelancongan di Langkawi. Ada sesetengah tempat yang tidak begitu elok, misalnya kawasan Beras Terbakar. Ada lebih baik sedikit kalau kita bandingkan dengan beberapa tahun yang lepas. Beberapa tahun yang lepas, plaque pun tidak ada, papan iklan pun tidak ada tetapi sekarang sudah ada. Lebih baik sedikit kerana sekarang ada gerai-gerai untuk berjual-beli barang-barang tetapi nampaknya kurang profesional.

Mengapa kurang profesional? Dia cerita mengenai Beras Terbakar. Jadi, setakat kita tahu, ada pasukan tentera daripada Thailand yang menyerang Langkawi. Tidak ada unsur sejarah dan tarikh. Kalau tarikh yang betul tak tahu pun tak apalah—jangkaan. Itu daripada Kedah. Negeri Kedah.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Yang Berhormat, Kota Setar bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Siam!

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:
Point of order. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ingin menarik tentang point of order 35(1), dia berucapkah atau dia membuat cerita penglipur lara? Dia dok beralih sebelah sini, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap minta dia cakap jangan meleret, orang lain pun banyak lagi hendak bercakap! Talk to the point!

Dr. Tan Seng Giaw: Ini memang mengenai destinasi pelancongan! Apa talk to the point? Hendak kacau sahaja. Saya hendak tolong memajukan Negeri Kedah, ini hendak kacau!

Mengenai cerita Beras Terbakar. Kita patut ada kajian yang lebih teliti dan bila kita ceritakan dengan lebih profesional, misalnya tahun-tahun sekian, ada pasukan Thai yang dikepalai oleh Kerongsak yang masuk ke Langkawi dan ada orang yang mempertahankan. Siapa itu dan tarikh apa, apakah akibatnya dan sebagainya. Inilah cara profesional! Tetapi sangat amaturlah sekarang ini—sangat amat. Ada banyak tempat lagi yang serupa yang tidak mempunyai taraf profesionalisme yang tinggi. Itu mengenai destinasi pelancongan yang mesti dipertingkatkan dengan cara yang profesional.

Daripada segi kualiti barangan, itu sangat malang, ada kualiti-kualiti yang tak baik. Batik Malaysia kita tak nampak, Batik Indonesia kita nampak! Batik Indonesia, tetapi Malaysia tak ada! Kita beli barang Malaysia, sebenarnya barang Indonesia! Ini Malaysia punya, Batik Malaysia (*Sambil membelek tali leher yang dipakai oleh beliau*) hand-printed, genuine Malaysian, Batik Malaysia! (*Ketawa*) Macam mana, mabuk? Itu

betul! Batik Indonesia, bukan Batik Malaysia. Itu pun belum pasti Batik yang tulen, belum pasti lagi.

Yang Berhormat Padang Terap ada sebutkan mengenai baju-baju tiruan daripada negara jiran di Langkawi. Ini tak baik. Kita mesti adakan kawasan bebas cukai dengan barang-barang yang tulen, terutamanya barang-barang Malaysia sendiri untuk para pelancong. Apa gunanya kita jualkan barang-barang yang diseludup daripada negara-negara jiran—Thailand, Indonesia, Batik Indonesia, takkan Malaysia tidak ada batik? Itu masalah barang-barang yang tidak bermutu tinggi, barang-barang tiruan, barang-barang bukan barang Malaysia. Itu mengenai kualiti barangan.

Mengenai alam sekitar. Penjagaan alam sekitar ini tidak baik. Ada satu kilang simen di situ—di Langkawi. Mungkin Padang Terap tak tahu ada satu kilang simen. Saya setuju sebelum usaha untuk memajukan Langkawi untuk menjadikan satu kawasan pulau bebas cukai, kilang simen itu sudahpun dibina. Kilang simen memang mencemarkan alam sekitar. Itu tak boleh dielakkan.

Yang pertama, saya berharap LADA boleh berusaha memperbincangkan dengan pihak kilang simen ini untuk menggunakan alat-alat yang lebih moden dan yang lebih canggih supaya asap-asap dan kimia-kimia serta affluen (kumbahan) tidak dibuang ke pantai dan juga ke laut. Sekarang ini di Langkawi ia memang dibuang ke laut. Bukan kearah ataupun remis sahaja yang mati di pantai-pantai, akibat kimia-kimia dan affluen dibuang ke laut di sekitarnya. Ini satu perbuatan yang tidak baik yang tidak mengira kepentingan untuk menjaga alam sekitar.

Kalau kita hendak kekalkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan, kita mesti menjaga alam sekitar kerana yang penting dan yang sangat menarik di Langkawi itu ialah alam sekitar, bukan lain! Kita sengaja adakah kilang simen itu. Apakah maksudnya? Mungkin Kerajaan Negeri semasa itu tidak mempunyai wawasan, tidak ada visi untuk kawasan-kawasan seperti Langkawi, sebab itu membenarkan kilang simen di Pulau Langkawi. Tidak ada orang yang pernah membangkitkan mengenai kilang simen! Mungkin ada setengah-setengahnya mempunyai kepentingan, saya tak tahu! Tetapi mungkin perbincangan di antara LADA dan pemilik kilang simen ini ialah selain dari menggunakan alat-alat canggih untuk membersihkan asap kimia dan kumbahan, bahkan juga satu perundingan mesti diadakan. Mungkin pada masa akan datang, kilang simen dipindahkan dari Langkawi ke kawasan yang lain.

Seorang Ahli: Larut, Larut!

Dr. Tan Seng Giaw: Larut dan Johor, itu orang tak berminat, tak ada pelancong! Kita kata Langkawi ada pelancong. Ini memang satu perkara yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tidak begitu berminat dari segi alam sekitar, saya berharap dia ambil perhatian mengemukakan hal yang begitu penting kepada pihak LADA supaya mengambil tindakan yang positif dan berkesan untuk menyelesaikan masalah alam sekitar di Pulau Langkawi.

Mungkin kita mesti mempertingkatkan, kalau tidak diwujudkan lagi, Jabatan Alam Sekitar. Saya tak tahu, tak nampak Jabatan Alam Sekitar di Langkawi. Mungkin kita perlu adakan.

Kalau tidak ada lagi, kita adakan satu Jabatan Alam Sekitar di Langkawi untuk mengawalseliakan masalah-masalah alam sekitar di Pulau Langkawi. Itu satu langkah yang perlu diambil untuk mengekalkan Pulau Langkawi sebagai satu destinasi pelancongan yang terpenting—salah satu yang terpenting di Malaysia ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masih panjang lagi?

Dr. Tan Seng Giaw: Ada lagi!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Boleh sambung minggu depan ya! Masa untuk hari ini sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang, hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.